

Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat

Mei 2021

Dengan sokongan dari



association pour la prévention de la torture
asociación para la prevención de la tortura
association for the prevention of torture



UiO : Norwegian Centre for Human Rights
University of Oslo

Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat

Diadopsi pada bulan Mei 2021 dengan sokongan Anti-Torture Initiative, Association for Prevention of Torture, dan Norwegian Centre for Human Rights, dokumen ini boleh diperolehi di laman www.interviewingprinciples.com

Anti-Torture Initiative (ATI) ditubuhkan pada tahun 2012 sebagai projek teras Pusat Hak Asasi Manusia & Undang-undang Kemanusiaan di American University Washington College of Law. Ditubuhkan untuk memperluas jangkauan dan pelaksanaan praktikal karya mantan Pelapor Khas PBB mengenai penyiksaan Juan E. Mendez, ATI berusaha untuk mencegah penyiksaan dan perlakuan buruk lainnya di seluruh dunia dengan mempromosikan akses keadilan dan pertanggungjawaban bagi mangsa penyiksaan, memupuk pemikiran yang menolak penyiksaan sebagai amalan yang sah, dan memperkuat institusi, penyokong, dan jaringan global yang berusaha menghapuskan penyiksaan. Melalui penglibatan dalam penyelidikan strategik, advokasi yang disasarkan, latihan pengembangan kapasiti, dan upaya litigasi, ATI telah memberikan dampak yang signifikan terhadap landskap usaha untuk memerangi dan mencegah penyiksaan dan perlakuan buruk lainnya, memperdalam dan memperluas ruang lingkup anti-global pergerakan penyiksaan.

www.wcl.american.edu/impact/initiatives-programs/center/

Association for Prevention of Torture (APT) adalah sebuah organisasi bukan kerajaan antarabangsa yang berpusat di Geneva, yang bekerja di seluruh dunia untuk mencegah penyiksaan dan penganiayaan lain. Ditubuhkan pada tahun 1977, APT bertujuan untuk mengurangkan risiko penyiksaan dan penganiayaan dengan menganjurkan dan mempromosikan langkah-langkah praktikal seperti pemantauan tempat penahanan, pelaksanaan perlindungan dan hak orang yang ditahan dalam situasi kerentanan tinggi. APT telah memainkan peranan penting dalam menetapkan piawaian dan mekanisme antarabangsa untuk mencegah penyiksaan, di antaranya Protokol Pilihan untuk Konvensyen PBB terhadap Penyiksaan (OPCAT) dan Mekanisme Pencegahan Nasional. Untuk melaksanakan visi masyarakat tanpa penyiksaan, APT bekerja di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa untuk menyokong pihak-pihak yang berlainan, mulai dari pihak berkuasa, institusi hak asasi nasional hingga organisasi masyarakat sivil.

www.appt.ch

Ditubuhkan pada tahun 1987, Norwegian Centre for Human Rights (NCHR) adalah pusat pelbagai disiplin di Universiti Oslo. Kegiatan di pusat ini berkisar pada penyelidikan, pengajaran, dan program antarabangsa yang diterapkan. Kakitangan NCHR terdiri daripada peguam, saintis politik, antropologi sosial, ahli geografi sosial dan ahli falsafah. Pusat ini memberi penekanan pada hubungan antara pendidikan penyelidikan dan penerapan pengetahuan praktikal.

www.jus.uio.no

Bahan-bahan yang terkandung dalam penerbitan ini dapat dikutip atau dicetak ulang secara bebas, dengan syarat kredit diberikan kepada sumber: "Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat", Mei 2021. Diperolehi dari:

www.interviewingprinciples.com

Reka bentuk dan ilustrasi susun atur: Magdalena Castría. 2021.

Penterjemahan ke Bahasa Malaysia oleh Puspawati Rosman dan disemak oleh Shazeera Zawawi



Prakata

Keberadaan kerangka undang-undang normatif yang terperinci bagi mencegah penyeksaan dan lain-lain bentuk layanan buruk – pada setiap masa dan tempat, termasuk keadaan di mana terdapat konflik bersenjata atau darurat – masih belum diterjemahkan sepenuhnya ketika prosiding soal-siasat dijalankan oleh ejen-ejen negara di seluruh dunia. Malah, pada praktiknya, tidak ada perlindungan yang berkesan bagi orang yang kebebasannya dinafikan. Ketika bertugas sebagai Pelapor Khas PBB mengenai Penyeksaan, saya dapati waktu yang paling kerap berlakunya penyeksaan dan paksaan ialah ketika proses menyoal-siasat suspek dan dilakukan untuk mendapatkan pengakuan atau pernyataan terhadap orang lain. Disebabkan itu pada tahun 2016 saya menyediakan laporan tematik kepada Perhimpunan Agung PBB yang melihat ini sebagai satu peluang lalu menawarkan jalan untuk melaksanakannya.¹

Laporan tersebut menunjukkan tersedianya pengetahuan saintifik yang banyak dan sedang berkembang yang membuktikan bahawa temubual yang menggunakan kaedah asas hubungan baik dan tanpa paksaan merupakan kaedah yang paling berkesan untuk mengumpulkan maklumat. Pada masa yang sama, kajian empirikal menunjukkan kaedah soal-siasat yang menggunakan penyeksaan dan apa pun bentuk layanan buruk tidak berkesan dan tidak produktif. Dalam konteks ini, laporan tersebut menyeru pembentukan satu set piawaian antarabangsa untuk proses temubual yang secara alaminya meliputi pemakaian perlindungan tatacara dan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Dokumen ini membentangkan hasil gesaan tersebut. Prinsip-prinsip ini merupakan intisari pengalaman pelbagai negara di mana penguatkuasa undang-undang dan pasukan keselamatan menggunakan kaedah temubual yang berkesan dan memberikan hasil yang lebih baik dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai. Maklumat yang dikumpul dengan cara ini turut memelihara integriti dan profesionalisme penemubual serta menambahkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi mereka.

Prinsip-prinsip yang kami kemukakan di sini pada dasarnya merupakan sebuah pengakuan bahawa hasil temubual saling berkait dengan hak yang dinikmati sepenuhnya oleh seseorang manusia di setiap peringkat pertemuannya dengan pihak berkuasa awam – tidak kira sama ada pertemuan tersebut

1. [A/71/298](#), Laporan Pelapor Khas mengenai Penyeksaan, 5 Ogos 2016. *Lihat juga* [A/HRC/RES/31/31](#), Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, 24 Mac 2016.



dilabel sebagai percakapan, soal siasat, temubual atau menyoal. Prinsip-prinsip ini ialah alternatif kepada risiko pernyataan paksa dan seksaan yang kejam dan juga merupakan satu pengakuan bahawa taktik-taktik paksaan ini menyebabkan terjadinya pengakuan palsu, perbicaraan yang tidak adil dan menjejaskan pentadbiran keadilan. Seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah, tiada sistem perundangan yang berasaskan kedaulatan undang-undang dapat menyokong penerimaan keterangan yang diperoleh melalui penyeksaan kerana proses perbicaraan merupakan asas kedaulatan undang-undang dan penggunaan seksaan akan menjejaskannya sehingga tidak dapat dipulihkan kembali.²

Prinsip-prinsip ini didraf oleh pakar-pakar dalam bidang temubual, penguatkuasaan undang-undang, penyiasatan jenayah, keselamatan negara, ketenteraan, perisikan, psikologi dan hak asasi dari seluruh dunia. Sebuah Jawatankuasa Pemandu antarabangsa yang mempunyai 15 orang ahli telah membimbing proses ini dan tekun membuat penyelidikan berdasarkan asas penyelidikan empirik, amalan baik yang direkodkan, undang-undang antarabangsa yang mantap dan etika profesional. Naskhah akhir ialah hasil analisa dan penyelidikan selama 4 tahun berunding dengan Majlis Penasihat yang terdiri daripada lebih 80 orang pakar dari lebih 40 buah negara. Tambahan pula, Jawatankuasa Pemandu mendapat manfaat daripada rundingan terus dengan pegawai penguat kuasa undang-undang dan pihak berkepentingan yang lain dalam pertemuan-pertemuan yang diadakan di Brazil, Tunisia dan Thailand.

Sudah tiba masanya amalan-amalan baik ini disebarluaskan dan dikongsi di kalangan penyiasat jenayah, dari semua bahagian perundangan, dan di kalangan profesional yang melakukan temubual untuk pelbagai tujuan yang sah. Prinsip-prinsip ini boleh membimbing komuniti antarabangsa dan membantu membangunkan kerangka normatif untuk temubual yang berkesan tanpa pelanggaran hak asasi yakni penyeksaan dan layanan buruk, serta menjadikan penyiasatan dan pencegahan jenayah lebih berkesan dan tekal.

Juan E. Méndez,

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemandu Pakar-pakar

2. Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah (ECtHR), *Ćwik v. Poland*, no. 31454/10, Penghakiman, 5 November 2020



Penyumbang

Jawatankuasa Pemandu

(terlibat dalam kapasiti individu)

Juan E. Méndez, Pengerusi Bersama

(Bekas Pelapor Khas PBB mengenai Penyeksaan; Pengarah Fakulti, Inisiatif Anti-Penyeksaan, Kolej Undang-Undang Washington, Universiti Amerika)

Mark Thomson, Pengerusi Bersama

(Bekas Setiausaha Agung, Association for the Prevention of Torture)

Ray Bull (Profesor Penyiasatan Jenayah, Universiti Derby; Profesor Emeritus Psikologi Forensik, Universiti Leicester)

Mark Fallon (Bekas Ejen Khas/Pegawai Cegah Keganasan, Bahagian Penyiasatan Jenayah Tentera Laut, Jabatan Pertahanan, Amerika Syarikat; Pengasas Bersama Projek Aletheia, John Jay College of Criminal Justice)

Verónica Hinestroza Arenas (Pakar Hak Asasi Manusia Antarabangsa; Bekas Peguam Kanan Program, Institut Hak Asasi Manusia Persatuan Peguam Antarabangsa (International Bar Association's Human Rights Institute), Amerika Latin)

Zaza Namoradze (Pengarah, Open Society Justice Initiative, Cawangan Berlin)

Gavin Oxburgh (Profesor Sains Polis, Universiti Northumbria, UK; Bekas Polis Tentera Udara Diraja Cawangan Penyiasatan Khas)

Pau Perez Sales (Pengarah Klinikal, Centro SiRa, Madrid; Ketua Editor, Torture Journal)

Asbjørn Rachlew (Penguasa Polis Norway, Oslo; Penyelidik Jemputan di Pusat Hak Asasi Manusia Norway)

Therese Rytter (Pengarah Undang-undang, DIGNITY; Naib Presiden, Jawatankuasa Pencegahan Penyeksaan Eropah)

Mary Schollum (Perunding; Bekas Penasihat, Polis New Zealand dan UK College of Policing)

Rebecca Shaeffer (Pengarah Undang-undang, Fair Trials International, Americas)

Ruth Ssekindi (Pengarah, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Uganda)

Lilian M. Stein (Profesor Psikologi, Pontificia Universidade Católica do Rio Grande do Sul, Brazil)

Sean Tait (Pengarah, African Policing Civilian Oversight Forum)

Penyelarasan Tri-institusi



association pour la prévention de la torture
asociación para la prevención de la tortura
association for the prevention of torture



UiO : Norwegian Centre for Human Rights
University of Oslo



Kumpulan Pendraf

(terlibat dalam kapasiti individu)

Solomon Arase (Pengamal Undang-undang dan Perunding Keselamatan; Bekas Ketua Polis Negara, Polis Nigeria)

Steven J. Barela (Fellow Penyelidik Kanan, Global Studies Institute, Universiti Geneva)

Alexis Comninos (Penasihat Undang-undang, Association for the Prevention of Torture)

Vanessa Drummond (Penolong Pengarah, Anti-Torture Initiative)

Louise Edwards (Pengarah Penyelidikan dan Program, African Policing Civilian Oversight Forum)

Verónica Hinestroza Arenas

Jonathan Horowitz (Bekas Pegawai Kanan Undang-undang, Open Society Justice Initiative)

Susan Kemp (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Scotland)

Gisle Kvanvig (Ketua Sekretariat UNPOL, Pusat Hak Asasi Manusia Norway)

Anne Lardy (Penyelaras Undang-undang, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah; Bekas Penasihat Undang-undang dan Penahanan, Association for the Prevention of Torture)

Christian Meissner (Profesor Psikologi, Universiti Negeri Iowa)

Andra Nicolescu (Penasihat Kanan Dasar dan Undang-undang, Association for the Prevention of Torture)

Gavin Oxburgh

Alka Pradhan (Penasihat Hak Asasi Manusia di Suruhanjaya Tentera Teluk Guantanamo; Pensyarah Undang-undang, Universiti Pennsylvania)

Asbjørn Rachlew

Therese Rytter

Mary Schollum

Ruth Ssekindi

Sean Tait

Wilder Tayler (Ketua di National Preventive Mechanism, Uruguay)

Kumpulan Editorial Pengerusi

Steven J. Barela, Editor

Barbara Bernath (Setiausaha Agung, Association for the Prevention of Torture)

Alexis Comninos

Vanessa Drummond

Andra Nicolescu



Majlis Penasihat

(terlibat dalam kapasiti individu, keahlian sebagaimana pada 27 Ogos 2021)

Uju Agomoh (Pengarah Eksekutif, Prisoners Rehabilitation and Welfare Action, Nigeria)

Laurence Alison (Pengerusi Forensik dan Psikologi Perisikan, Universiti Liverpool)

Rashid Almansoori (Jabatan Am Sains Forensik dan Kriminologi, Polis Dubai, Emiriah Arab Bersatu; Pusat Temubual Forensik, Universiti Portsmouth)

Paul Angaman (Presiden, International Federation of Action by Christians for the Abolition of Torture)

Igor Areh (Profesor Madya Psikologi Forensik, Fakulti Keadilan Jenayah dan Keselamatan, Universiti Maribor, Slovenia)

Romel Regalado Bagares (Bekas Pengarah Eksekutif, Centre for International Law, Filipina)

Steven J. Barela

Gary Barr (Pemangku Pengarah (bersara), Program ICITAP, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat)

Rafael Barreto Souza (Kordinator Inisiatif, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Brazil dan Majlis Keadilan Kebangsaan; Penyelidik, Universidade de Brasília - LabGEPEN/UnB)

Sarah Belal (Pengarah Eksekutif, Projek Keadilan Pakistan (Justice Project Pakistan))

Yuriy Belousov (Ketua Jabatan, Tindak balas terhadap Pelanggaran Hak Asasi Manusia dalam Penguatkuasaan Undang-undang dan Penjara, Pejabat Ketua Pendakwa Raya, Ukraine; Bekas Polis Ukraine; Bekas Ketua Mekanisme Pencegahan Kebangsaan Ukraine)

Gregg Bloche (Profesor Undang-undang, Dasar dan Etika Kesihatan Carmack Waterhouse, Universiti Georgetown)

Susan Brandon (Bekas Pengurus Program Penyelidikan, High-Value Detainee Interrogation Group – HIG, U.S.A.)

Ilze Brands Kehris (Penolong Setiausaha Agung bagi Hak Asasi Manusia PBB, New York)

Ed Cape (Profesor Emeritus, Universiti West of England, Bristol)

Andrew Clapham (Profesor, The Graduate Institute, Geneva)

Jamil Dakwar (Pengarah, Program Hak Asasi Manusia, American Civil Liberties Union)

Louis Dekmar (Ketua Polis, Jabatan Polis LaGrange, Amerika Syarikat; Bekas Presiden, IACP)

Catalina Devandas Aguilar (Duta Costa Rica ke PBB di Geneva, Bekas Pelapor Khas PBB mengenai Hak Orang Kurang Upaya)

Santanee Ditsayabut (Pendakwa Raya Pakar, Pengarah Pejabat Sekretariat Nitivajra Institute, Pejabat Peguam Negara, Thailand)

Graham Dossett (Bekas Penguasa Polis UK; Fellow Pelawat, Pusat Hak Asasi Manusia, Universiti Essex)



Fernanda Doz Costa (Timbalan Pengarah, Amnesty International Americas)

Alice Edwards (Ketua Sekretariat, Convention against Torture Initiative)

Hatem Essaïem (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Rakyat)

Malcolm Evans (Bekas Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pencegahan Penyeksan PBB)

Ivar A. Fahsing (Ketua Penguasa Detektif dan Profesor Madya, Kolej Universiti Polis Norway)

Laurel E. Fletcher (Profesor Klinikal Undang-undang, Universiti California, Berkeley, Fakulti Undang-undang)

Sabina Frederic (Menteri Keselamatan, Argentina)

Johan Friestedt (Bekas Ketua Jabatan, Sekretariat Jawatankuasa Eropah bagi Pencegahan Penyeksan)

Fiona Gabbert (Profesor, Kolej Goldsmiths, Universiti London)

Andrew Gilmour (Bekas Penolong Setiausaha Agung PBB bagi Hak Asasi Manusia; Pengarah Eksekutif, Yayasan Nerghof)

Mykola Gnatovskyy (Bekas Presiden, Jawatankuasa Eropah bagi Pencegahan Seksaan; Profesor, Universiti Taras Shevchenko Kyiv)

Robert Goldman (Presiden, International Commission of Jurists)

Alistair Graham (Penyiasat Kanan, Mahkamah Jenayah Antarabangsa)

Andy Griffiths (Bekas Penguasa Detektif Polis UK; Fellow Penyelidik Pelawat, Universiti Portsmouth; Sarjana Bersekutu, Universiti New York)

Gísli Guðjónsson (Profesor Emeritus Psikologi Forensik, King's College London, Institute Psikiatri, Psikologi & Neurosains)

Jill Heine, Initial Editor (Bekas Penasihat Undang-undang, Amnesty International)

Lisa Henry (Setiausaha Agung, Majlis Pemulihan Antarabangsa untuk Mangsa Penyeksan (International Rehabilitation Council for Torture Victims))

Joel Hernandez (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara-Amerika)

Christof Heyns, yang dukacitanya telah meninggal dunia pada 28 Mac 2021 (Bekas ahli, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB; Profesor, Universiti Pretoria)

Lorraine Hope (Profesor, Universiti Portsmouth)

Ching-Yu Huang (Pensyarah, Universiti Keele)

Vincent Iacopino (Bekas Penasihat Kanan Perubatan, Physicians for Human Rights; Profesor Adjung Perubatan, Fakulti Perubatan Universiti Minnesota)

Marina Ilminska (Pegawai Kanan Dasar, Open Society Justice Initiative)

Suzanne Jabbour (Pengerusi, Jawatankuasa Kecil PBB bagi Pencegahan Penyeksan; Ketua Pegawai Eksekutif, RESTART Centre for Rehabilitation of Victims of Torture and Violence, Lebanon)



Taghreed Jaber (Pengarah Serantau bagi Timur Tengah dan Afrika Utara, Penal Reform International- PRI)

Steven M. Kleinman (Kolonel, Tentera Udara Amerika Syarikat, Bersara, Pegawai Perisik, Amerika Syarikat)

Cheng Lei (Profesor, Fakulti Undang-undang Universiti Renmin China)

Richard A. Leo (Profesor, Universiti San Francisco)

Hugo Leonardo (Presiden, Institute for the Defense of the Right to Defense – IDDD, Brazil)

Masha Lisitsyna (Pegawai Urusan Kanan Undang-undang, Open Society Justice Initiative)

Margarette May Macaulay (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara-Amerika; bekas Hakim Mahkamah Hak Asasi Manusia Antara-Amerika)

Luciano Mariz Maia (Peguam Negara Bersekutu, Pejabat Pendakwa Raya Persekutuan, Brazil)

David Marshall (Pensyarah Pelawat, Fakulti undang-undang Universiti Yale; Penasihat Keadilan, Global Affairs Canada)

Robert McFadden (Bekas Ejen Khas, Perkhidmatan Siasatan Jenayah Laut, Amerika Syarikat)

Nils Melzer (Pelapor Khas PBB mengenai Penyiksaan; Pengerusi Hak Asasi Manusia, Akademi Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Hak Asasi Manusia Geneva)

Rebecca Milne (Profesor, Universiti Portsmouth)

Jens Modvig (Pengarah Perubatan, DIGNITY; Bekas Pengerusi, Jawatankuasa Menentang Penyiksaan PBB)

Anabella Museri (Máster en criminología, Universidad Nacional del Litoral, Santa Fe, Argentina)

Makiko Naka (Profesor Psikologi, Universiti Ritsumeikan; Profesor Emeritus, Universiti Hokkaido, Jepun)

Manfred Nowak (Pakar Bebas PBB mengenai Kanak-kanak yang Dilucutkan Kebebasan; Bekas Pelapor Khas PBB mengenai Penyiksaan)

Shane O'Mara (Profesor Penyelidikan Eksperimental Otak, Pusat Pengajian Psikologi dan Institut Neurosains, Kolej Trinity Dublin - Universiti Dublin, Ireland)

Gustavo Palmieri (Pengarah, Universidad Nacional de Lanus; Ahli, Mekanisme Pencegahan Kebangsaan Argentina)

Jelena Pejic (Penasihat Kanan Undang-undang, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah)

Martine Powell (Profesor, Universiti Griffith, Queensland; Pengarah Pengasas, Centre for Investigative Interviewing, Institut Kriminologi Griffith)

Devika Prasad (Perunding Kanan, Projek 39A, Undang-Undang Nasional Universiti Delhi, dan mantan ketua, Program Reformasi Polis di Inisiatif Hak Asasi Manusia Komanel)



Dinna Prapto Raharja (Bekas Wakil, Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia; Profesor Madya, Universiti Binus, Jakarta Barat)

Seema Saifee (Felo Penyelidik, Fakulti Undang-undang Universiti Pennsylvania; bekas Peguam Kanan Kakitangan & Pengarah Klinikal, Innocence Project)

Marta Santos Pais (Bekas Wakil Khas Setiausaha Agung PBB mengenai Keganasan terhadap Kanak-kanak)

Margaret Satterthwaite (Profesor, Center for Human Rights and Global Justice, Fakulti Undang-undang Universiti New York)

Stephanie Selg (Bekas Penasihat mengenai Pencegahan Seksaan, OSCE, Office for Democratic Institutions and Human Rights)

Christophe Sellie (Timbalan Ketua, Sûreté Police, Vaud Cantonal Police, Switzerland)

Mandira Sharma (Pengasas, Advocacy Forum, Nepal; Penasihat Kanan Undang-undang Antarabangsa, International Commission of Jurists)

Michael Skerker (Profesor, Akademi Tentera Laut Amerika Syarikat)

Rupert Skilbeck (Pengarah, REDRESS)

Kevin Smith (Penasihat National Vulnerable Witness, Major Crime Investigative Support, Agensi Jenayah Kebangsaan, U.K.)

Stavroula Soukara (Profesor Madya Psikologi Forensik, Jabatan Sains Sosial, Universiti Nicosia, Cyprus)

Gerald Staberock (Setiausaha Agung, Organisasi Dunia Menentang Penyeksaan – OMCT)

Michel St-Yves (Ahli Psikologi Forensik, Sûreté du Québec, École Nationale de Police du Québec, Université de Montréal)

Natalia Taubina (Pengarah, Public Verdict Foundation, Russia)

Serra Tekin (Pensyarah Psikologi, Universiti London South Bank)

Morris Tidball-Binz (Profesor Adjung Klinikal dalam Perubatan Forensik, Universiti Monash, Melbourne; Pelapor Khas PBB mengenai hukuman mati di luar undang-undang, terus atau arbitrari (UN Special Rapporteur on extra-judicial, summary or arbitrary executions))

Soledad Villagra de Biedermann (Bekas Ahli Kumpulan Kerja PBB mengenai Penahanan Arbitrari; Profesor, Universiti Katolik Asunción, Paraguay)

Peter Vedel Kessing (Ahli, Jawatankuasa PBB menentang Penyeksaan; Penyelidik Kanan, The Danish Institute of Human Rights)

Michael Zander (Profesor Emeritus Undang-undang, London School of Economics)

Kandungan

i	Prakata
iii	Penyumbang
1	Pendahuluan
6	Prinsip 1 - Asas
6	Asas Saintifik
10	Asas Undang-undang
15	Asas Etika Profesional
16	Prinsip 2 - Amalan
16	Proses yang Menyeluruh
17	Maklumat yang Tepat dan Boleh Dipercayai
17	Perlindungan Undang-undang
18	Sebelum temubual - Memastikan Persekitaran yang Tidak Memaksa
26	Semasa Temubual - Membina dan Mengekalkan Hubungan Baik
30	Mengakhiri Temubual - Penilaian dan Analisis
31	Prinsip 3 - Kerentanan
31	Temubual sebagai Situasi Kerentanan
32	Individu dalam Situasi Kerentanan Tinggi
34	Menilai dan Menangani Situasi Kerentanan Tinggi
35	Prinsip 4 - Latihan
35	Latihan Spesifik
37	Pembangunan Profesional Berterusan
38	Prinsip 5 - Kebertanggungjawapan
38	Tatacara Institusi dan Kajian Semula
39	Penyimpanan Rekod yang Berkesan
39	Mencegah dan Melapor
41	Pemerhatian Luar dan Pemantauan Bebas
42	Aduan dan Siasatan
43	Tebus Rugi dan Reparasi
44	Prinsip 6 - Pelaksanaan
44	Kerangka Domestik
45	Budaya dan Keupayaan Institusi
46	Pihak Berkuasa Kehakiman
47	Penyebaran



Pendahuluan

1. Pegawai penguat kuasa undang-undang dan badan penyiasatan yang lain – termasuk perkhidmatan perisikan dan ketenteraan – memainkan peranan penting dalam memberikan khidmat untuk masyarakat dan memelihara keselamatan awam dengan mengesan, mencegah dan menyelesaikan jenayah, serta menjamin hak asasi manusia. Pengendalian sesi temubual dan menyoal ialah teras dalam mana-mana proses siasatan dan pengumpulan risikan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tersebut.
2. Bagi tujuan dokumen ini, temubual ditakrifkan sebagai perbualan berstruktur di mana seorang individu ('penemubual') mahu mengumpul maklumat daripada seorang individu yang lain ('orang yang ditemubual') sebagai sebahagian daripada mana-mana operasi siasatan atau risikan. Objektifnya ialah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai tetapi pada masa yang sama menghormati hak asasi manusia; matlamatnya ialah untuk mendapatkan fakta, bukan pengakuan.

Tujuan dan Matlamat: Apa Perlunya Prinsip-prinsip tersebut?

3. Di seluruh dunia, pengakuan palsu dan ketidakbolehpercayaan maklumat yang tercemar disebabkan amalan penyalahgunaan telah menyebabkan kelemahan dalam pembuatan keputusan, sabitan salah, dan kesilapan teruk dalam pelaksanaan keadilan. Disebabkan tanggapan salah yang meluas bahawa 'penyiksaan memberikan hasil,' proses menyoal, khususnya terhadap suspek, sering dikaitkan dengan risiko intimidasi, paksaan dan penganiayaan.³ Amalan sedemikian ketika temubual menjadikannya tidak berkesan dan tidak produktif, dan berpotensi mengakibatkan kerosakan besar terhadap mangsa, pelaku, institusi, dan masyarakat secara umumnya; apabila melibatkan penyiksaan, kekejaman, perlakuan atau hukuman yang tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah (bentuk layanan buruk yang lain), ia sama sekali dilarang oleh undang-undang antarabangsa.
4. Terdapat keperluan untuk menjauhkan budaya menyoal daripada amalan menuduh, memaksa, memanipulasi dan mendorong ke arah pengakuan dan membawanya ke aras temubual yang berasaskan hubungan baik. Ini termasuklah pemakaian perlindungan tatacara dan undang-undang sepanjang proses temubual, yang mengurangkan risiko layanan buruk, menghasilkan dapatan maklumat yang lebih dipercayai dan membantu memastikan hasil operasi risikan atau siasatan tersebut sah.
5. Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat menyepadukan undang-undang dengan penyelidikan saintifik yang kuat dan berkembang menggunakan kaedah menyoal yang paling berkesan untuk mencungkil maklumat yang tepat dan boleh dipercayai daripada orang yang ditemubual. Prinsip-prinsip ini akan:
 - a. Membantu pihak berkuasa meningkatkan keberkesanan, keadilan, dan hasil proses penyiasatan dan pengumpulan risikan, sementara melindungi maruah diri dan

3. A/71/298, Laporan Pelapor Khas mengenai Penyiksaan, 5 Ogos 2016, perenggan 8.



- hak asasi semua individu yang ditemubual; membimbing pembangunan dasar dan menggalakkan pelaksanaan menyeluruh kerangka temubual yang berkesan dan beretika di agensi yang berkaitan.
- b. Membantu pihak berkuasa dan agensi menjalankan pembaharuan yang holistik di peringkat institusi serta menambahbaik cara mereka mengambil pendekatan dan mengendalikan temubual, termasuk dalam segi perancangan, latihan, penyumberan dan penilaian.
 - c. Memaklumkan perkembangan kurikulum latihan, manual, dan bahan pendidikan dan pengajaran lain.
 - d. Membolehkan penguatkuasa undang-undang dan pegawai-pegawai lain mengubah pemikiran dan budaya institusi jauh daripada amalan untuk mendorong-pengakuan kepada temubual berasaskan hubungan baik.
6. Prinsip-prinsip ini menggalakkan satu pendekatan yang membantu memastikan anggapan ketakbersalahan dihormati dan dilaksanakan, orang yang bersalah disabitkan, orang yang disalah tuduh dibebaskan, dan keadilan diberikan kepada mangsa dan masyarakat secara umumnya.
7. Prinsip-prinsip ini membolehkan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang adil, selamat dan terangkum dengan institusi yang kuat dengan cara yang berikut:

Pengendalian Temubual

Mencungkil maklumat yang lebih tepat dan boleh dipercayai ketika temubual.

Meningkatkan keupayaan, kecekapan dan profesionalisme penemubual.

Menghapuskan kebergantungan pada teknik-teknik menyoal secara paksa yang menyalahi undang-undang, tidak berkesan dan tidak produktif.

Menyediakan kaedah dan amalan yang berjaya, berpatutan, dan boleh diguna dengan sumber yang minimum.

Menyampaikan operasi pengumpulan maklumat yang lebih berkesan.

Sistem Keadilan

Memupuk kepercayaan orang ramai dan kerjasama dengan institusi keadilan jenayah.

Mendukung kedaulatan undang-undang.

Menghalang keterangan yang dicemari oleh penyeksaan dan pengakuan palsu daripada digunakan.

Mengurangkan maklumat yang tidak boleh dipercayai, insiden sabitan atau pembebasan salah dan salah laksana keadilan.

Melindungi integriti proses keadilan dan pentadbiran keadilan yang berkesan.

Hak Asasi Manusia

Memastikan supaya tiada orang menghadapi paksaan, penyeksaan atau bentuk layanan buruk yang lain.

Melindungi integriti fizikal dan mental semua orang yang berinteraksi dengan pihak berkuasa tempatan.

Meningkatkan rasa hormat terhadap hak manusia dalam situasi kerentanan yang tinggi.

Memajukan aplikasi perlindungan dan proses undang-undang yang sewajarnya yang dijamin terhadap semua orang yang ditemubual.

Mengurangkan galakan kepada profesional keadilan daripada bergantung kepada taktik-taktik berbentuk paksaan.



Skop: Situasi apakah yang Menggunakan Prinsip-prinsip tersebut?

8. Prinsip-prinsip tersebut terpakai dalam semua temubual oleh pegawai yang bertugas mengumpulkan maklumat, seperti polis, perisik, tentera, pihak berkuasa pentadbiran, atau orang lain yang bertugas secara rasmi. Ini termasuklah bentuk-bentuk menyoal lain oleh kakitangan perisikan, termasuk soal-jawab yang strategik dan taktikal serta soal-siasat oleh pihak berkuasa tentera dan perisikan.
9. Pendekatan yang dirangka dalam Prinsip-prinsip tersebut sesuai untuk temubual yang jelas dan yang rumit serta mudah diaplikasikan untuk temubual berulang.
10. Senario paling biasa yang ditangani menggunakan Prinsip-prinsip tersebut ialah temubual suspek ketika siasatan keadilan jenayah. Walau bagaimanapun, Prinsip-prinsip tersebut juga digunapakai untuk temubual bersama saksi, mangsa atau sesiapa yang berkepentingan (tanpa mengira gelaran), yang sekurang-kurangnya memberi nilai sama kepada sebuah penyiasatan sebagai suspek yang ditemubual. Kemahiran dan teknik profesional yang sama diperlukan untuk temubual bersama semua orang.
11. Prinsip-prinsip tersebut meliputi jangka masa daripada pertemuan pertama pihak berkuasa dengan orang yang berpotensi untuk ditemubual, sehinggalah temubual berakhir; pada masa yang sama, perlindungan yang relevan tetap berjalan dengan berkesan, pada kadar yang minimum, sehinggalah semua prosiding undang-undang yang berkaitan berakhir.
12. Status dan kewajipan undang-undang seseorang yang ditemubual, dan perlindungan yang relevan dalam proses menyoal mereka, mungkin berubah bergantung pada sama ada orang yang ditemubual itu diklasifikasikan sebagai suspek atau tertuduh dalam kes jenayah, atau mangsa, atau orang lain yang berkepentingan, contohnya dalam konteks ketenteraan atau perisikan. Kelainan dalam segi sifat atau kebolegunaan perlindungan sedemikian, atau apa-apa pertimbangan lain yang berkaitan dengan satu kategori spesifik orang yang ditemubual, ada ditunjukkan di dalam Prinsip-prinsip tersebut.
13. Dalam situasi konflik bersenjata, apabila orang disoal untuk tujuan selain daripada keadilan jenayah (contohnya dalam keadaan yang taktikal atau strategik oleh pegawai tentera atau perisik), kebolegunaan perlindungan undang-undang tertentu mungkin berbeza-beza menurut peruntukan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang negara yang berkaitan. Meskipun begitu, pengendalian temubual hendaklah selalu berpandukan Prinsip-prinsip ini.
14. Prinsip-prinsip tersebut dirangka dengan mengambil kira bahawa setiap Negara, bidang kuasa dan organisasi adalah berbeza dan mempunyai undang-undang, dasar dan tatacara yang berbeza. Pelbagai strategi dan taktik mungkin sesuai untuk digunapakai terhadap suspek, mangsa, saksi dan lain-lain orang yang berkepentingan, dan mungkin agak berbeza bergantung pada sifat dan konteks temubual. Atas sebab ini, Prinsip-prinsip tersebut menggunakan pendekatan secara umum untuk pengendalian temubual yang berkesan dan tidak menggalakkan mana-mana model yang spesifik. Walaupun terdapat



kepelbagaian dalam keadaan, jenis dan matlamat temubual, Prinsip-prinsip tersebut terpakai dalam setiap temubual, dan didasarkan kepada asas sains, undang-undang dan etika yang sesuai dengan setiap keadaan.

Khalayak: Siapakah Sasaran Prinsip-prinsip tersebut?

15. Prinsip-prinsip tersebut ditujukan terutamanya kepada pembuat dasar dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab membentuk, mengadaptasi dan melaksanakan dasar menemu bual dan proses keadilan yang berkaitan. Ini termasuklah pihak berkuasa eksekutif, pembuat undang-undang, pengarah agensi penguatkuasa undang-undang, akademi latihan, lembaga disiplin atau mana-mana pihak berkuasa lain yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan undang-undang, dasar, kerangka atau amalan yang relevan dengan temubual.
16. Prinsip-prinsip tersebut juga relevan untuk profesional temubual dan pihak berkuasa yang terlibat dalam pengendalian temubual, termasuk agensi penguatkuasa undang-undang, pendakwa atau pengumpul risikan, tanpa mengira gelaran lantikan mereka di mana-mana bidang kuasa yang ditetapkan.⁴
17. Pihak-pihak berkuasa lain yang bertemu dengan individu-individu sepanjang proses temubual, contohnya profesional undang-undang termasuk hakim, pendakwa dan peguam bela, juga akan mendapati Prinsip-prinsip ini boleh digunapakai. Tambahan pula, Prinsip-prinsip ini berguna untuk mengawasi badan-badan, anggota masyarakat madani, penyokong hak asasi manusia, dan orang lain yang memeriksa situasi yang dinyatakan di sini.
18. Kerajaan patut mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk menerapkan Prinsip-prinsip ini dalam undang-undang domestik, peraturan, teknik latihan, tatacara dan amalan. Penggunaannya di kalangan penguatkuasa undang-undang, profesional undang-undang, dan pihak berkuasa lain yang relevan haruslah digalakkan, dengan tujuan untuk memastikan bukan sahaja perlindungan yang terbaik untuk semua orang yang disoal, tetapi juga untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat dan boleh dipercayai ketika temubual.
19. Kerajaan yang menandatangani triti antarabangsa mungkin mempunyai kewajipan yang spesifik yang melangkaui panduan yang dinyatakan dalam Prinsip-prinsip. Begitu juga semua negara terikat dengan standard undang-undang adat antarabangsa, serta norma undang-undang antarabangsa yang mesti dipatuhi. Tiada apa-apa dalam Prinsip-prinsip ini boleh diinterpretasikan sehingga membayangkan maksud melepaskan atau mengecualikan mana-mana negara daripada mematuhi sepenuhnya kewajibannya di bawah undang-undang antarabangsa yang terpakai.

4. Ini termasuklah bidang kuasa yang menggunakan terminologi yang berbeza-beza untuk menjelaskan proses neutral temubual ketika penyiasatan jenayah atau pengumpulan risikan. Oleh yang demikian ia relevan bagi profesional yang menggunakan 'soal-siasat' sebagai kaedah tanpa paksaan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan boleh dipercayai. Lihat A/71/298, fn. 1 (nota kaki 3).



Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat

Prinsip 1 – Asas

Temubual yang berkesan ialah temubual yang berpandukan sains, undang-undang dan etika.

Prinsip 2 – Amalan

Temubual yang berkesan ialah proses menyeluruh bagi mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai di samping menerapkan perlindungan undang-undang yang berkaitan.

Prinsip 3 – Kerentanan

Temubual yang berkesan perlu mengenal pasti dan menangani keperluan orang yang ditemubual dalam situasi kerentanan.

Prinsip 4 – Latihan

Temubual yang berkesan merupakan kerja profesional yang memerlukan latihan yang spesifik.

Prinsip 5 – Kebertanggungjawaban

Temubual yang berkesan memerlukan institusi yang telus dan bertanggungjawab.

Prinsip 6 – Pelaksanaan

Pelaksanaan temubual yang berkesan memerlukan langkah-langkah kerajaan yang ketat.



Prinsip 1 ▶

Asas

Temubual yang berkesan ialah temubual yang berpandukan sains, undang-undang dan etika.



20. Dapatan daripada kajian-kajian saintifik empirikal, standard undang-undang antarabangsa, dan tanggungjawab profesional berasaskan nilai merupakan asas temubual yang berkesan. Apabila diterapkan dalam amalan, elemen-elemen asas ini membolehkan penemubual mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai sambil memelihara hak asasi manusia.

Asas Saintifik

Penyelidikan amalan yang tidak berkesan

21. Penyelidikan terkini oleh para profesional dan pengamal dari pelbagai disiplin - termasuk psikologi, kriminologi, sosiologi, neurosains, dan perubatan – memberikan bukti penting iaitu penggunaan paksaan boleh, pada mulanya, meningkatkan tentangan daripada orang yang ditemubual dan, jika dilakukan secara berterusan, menyebabkan terbentuknya maklumat palsu atau pengakuan palsu.⁵ Kajian kes dan penilaian sejarah menunjukkan bahawa penggunaan paksaan boleh memakan diri kerana ia menghalang pengumpulan maklumat berfakta. Lebih-lebih lagi, kajian dalam neurosains menunjukkan bahawa teknik paksaan akan mengganggu dan boleh merosakkan keupayaan otak untuk mendapatkan kembali memori.⁶

5. G.H. Gudjonsson, *The Psychology of False Confessions: Forty Years of Science and Practice* (Hoboken, NJ, John Wiley & Sons, 2018); A. Vrij, C.A. Meissner, S.M. Kassin, A. Morgan III, R.P. Fisher, & S.M. Kleinman, "Psychological perspectives on interrogation", *Perspectives on Psychological Science*, jilid. 12, No. 6 (September 2017); S. O'Mara, *Why Torture Doesn't Work: The Neuroscience of Interrogation* (Cambridge, Harvard University Press, 2015); S.M. Kassin, S.A. Drizin, T. Grisso, G.H. Gudjonsson, R.A. Leo, & A.D. Redlich, "Police-induced confessions: risk factors and recommendations" *Law & Human Behavior*, jilid. 34, No. 1 (Februari 2010).

6. Lihat, mis., O'Mara, *Why Torture Doesn't Work* (nota kaki 5); C.A. Morgan III, S. Southwick, G. Steffian, G.A. Hazlett, & E.F. Loftus, "Misinformation can influence memory for recently experienced, highly stressful events", *International Journal of Law and Psychiatry*, jilid. 36, No. 1 (Januari/Februari 2013); K. Young, W. Drevets, J. Schulkin, K. Erickson "Dose-dependent effects of hydrocortisone infusion on autobiographical memory recall", *Behavioural Neuroscience*, jilid 125, No. 5 (Oktober 2011).



22. Penyelidikan telah membuktikan bahawa maklumat yang tidak boleh dipercayai dan pengakuan palsu yang timbul daripada amalan penyalahgunaan ialah akibat yang kerap berlaku dan dapat dijangka daripada teknik temubual yang tidak bagus.⁷ Teknik sebegini menyebabkan sabitan dan risikan yang salah di seluruh dunia, sehingga menjejaskan objektif dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan pengumpulan risikan.⁸
23. Bukti saintifik menunjukkan bahawa penggunaan kaedah temubual secara paksaan lebih berkemungkinan mengurangkan kecenderungan orang yang ditemubual untuk bekerjasama semasa temubual dan menimbulkan tentangan dari pihaknya, walaupun pada awalnya dia mungkin mahu menjawab soalan.⁹ Dalam kes di mana penemubual yang dianiaya memenuhi tuntutan penemubualnya, maklumat yang diberikan diragui kesahihannya, kerana maklumat palsu atau mengelirukan sering diberikan untuk menenangkan penemubual dan mengelakkan atau menghentikan ancaman penyalahgunaan.¹⁰
24. Kaedah penyualan paksa secara psikologi, contohnya memanipulasi persepsi orang yang ditemubual mengenai kesalahan (misalnya dengan mengemukakan bukti palsu), atau persepsi mereka terhadap akibat yang berkaitan dengan pengakuan (misalnya meremehkan atau membesar-besarkan akibat yang berkaitan dengan sabitan jenayah yang didakwa, membayangkan hukumannya akan diringkankan, atau memberikan justifikasi moral), telah terbukti menghasilkan maklumat yang salah dan meningkatkan kadar pengakuan palsu.¹¹ Ancaman atau membayangkan kemudaratan fizikal terhadap orang yang ditemubual boleh meningkatkan rasa tekanan, yang mengganggu pengembalian semula memori dan juga mengurangkan daya ingatan terhadap maklumat yang tepat atau boleh dipercayai.¹²
25. Soalan yang memimpin atau menyaran jawapan kepada suspek terbukti mencemarkan memori orang yang ditemubual dan menjejaskan keterangan yang diberikan.¹³ Dalam

7. Lihat S.A. Drizin, & R.A. Leo, "The problem of false confessions in the post-DNA world", *North Carolina Law Review*, jilid 82 (2004); A.D. Redlich, & C.A. Meissner, "Techniques and controversies in the interrogation of suspects" in *Psychological Science in the Courtroom*, J.L. Skeem, K.S. Douglas & S.O. Lilienfeld, eds. (New York, NY, Guilford Press, 2009). Lihat juga J.W. Schieman, *Does Torture Work?* (Oxford, Oxford University Press, 2016).

8. Lihat, mis., D. Starr, "The confession", *Science*, (2019); B.L. Cutler, K.A. Findley & T.E. Moore, "Interrogations and false confessions: a psychological perspective" *Canadian Criminal Law Review*, jilid. 18, No. 2 (June 2014); G. Lassiter & C.A. Meissner, eds., *Police Interrogations and False Confessions: Current Research, Practice, and Policy Recommendations*, (American Psychological Association, Washington DC, 2010).

9. Vrij et al. "Psychological perspectives on interrogation" (nota kaki 5); S.C. Houck & L.G. Conway, "Ethically investigating torture efficacy: a new methodology to test the influence of physical pain on decision-making processes in experimental interrogation scenarios", *Journal of Applied Security Research*, jilid. 10, No. 4 (2015); M.A. Costanzo, & E. Gerrity, "The effects and effectiveness of using torture as an interrogation device: using research to inform the policy debate", *Social Issues and Policy Review*, jilid 3, No. 1 (Disember 2009).

10. A.D. Biderman, "Social-psychological needs and 'involuntary' behavior as illustrated by compliance in interrogation", *Sociometry*, jilid. 23, No. 2 (June 1960); D. Rejali, *Torture and Democracy* (Princeton, NJ, Princeton University Press, 2007); A. McCoy, *A Question of Torture: CIA Interrogation from the Cold War to the War on Terror* (New York, Metropolitan Books, 2007).

11. C.A. Meissner, A.D. Redlich, S.W. Michael, J.R. Evans, C.R. Camilletti, S. Bhatt, & S. Brandon, "Accusatorial and information-gathering interrogation methods and their effects on true and false confessions: a meta-analytic review", *Journal of Experimental Criminology*, jilid. 10, No. 4 (2014); Kassin et al. "Police-induced confessions" (nota kaki 5).

12. R.S. Stawski, M.J. Sliwinski, & J.M. Smyth, "The effects of an acute psychosocial stressor on episodic memory", *European Journal of Cognitive Psychology*, jilid. 21, No. 6 (2009).

13. .F. Loftus, "Intelligence gathering post-9/11", *American Psychologist*, jilid. 66, No. 6 (2011).



- kes suspek, kaedah yang menyanan dan memanipulasi sedemikian mengurangkan kebolehpercayaan maklumat, sambil meningkatkan kemungkinan pengakuan palsu dan sabitan salah.¹⁴
26. Apabila penemubual mengambil pendekatan temubual dengan niat untuk mendapatkan pengakuan, mereka lebih cenderung dipengaruhi oleh 'kecenderungan pengesahan' dan cuba untuk menafsirkan maklumat untuk mengesahkan kepercayaan mereka tentang kesalahan orang yang ditemubual. Kelalaian ini boleh merosakkan tafsiran penemubual tentang keterangan fizikal atau analisis terhadap data lain. Pada praktiknya, ini bermaksud mereka lebih cenderung menggunakan soalan memimpin atau menyanan semasa temubual, begitu juga teknik paksaan, manipulatif, dan penuh tekanan, untuk mengesahkan hipotesis atau kepercayaan mereka yang sudah wujud terlebih dahulu mengenai penglibatan atau kebersalahan orang yang ditemubual.¹⁵ Ramalan kebersalahan yang pra-matang terbukti menyebabkan sabitan salah, keputusan yang khilaf dan orang yang benar-benar bersalah pula terlepas daripada hukuman.¹⁶
 27. Sebilangan individu mudah termakan dengan soalan menyanan. Ciri-ciri peribadi orang yang ditemubual seperti usia, ketidakupayaan intelektual atau psikososial boleh meningkatkan risiko maklumat yang tidak boleh dipercayai atau pengakuan palsu dengan membuatkan mereka lebih mudah terpengaruh dan terkesan dengan tekanan, helah, dan penipuan yang mengandungi pertanyaan.¹⁷ Analisis arkib pengakuan palsu telah berulang kali menunjukkan bahawa juvenil dan orang yang mengalami ketakdayaan intelektual atau psikososial yang ditemubual lazimnya ada di kalangan pengaku palsu.¹⁸
 28. Sering kali terdapat dakwaan yang tidak benar bahawa tidak mustahil untuk mengesan pembohongan dengan tepat berdasarkan tingkah laku tak verbal.¹⁹ Ada yang mendakwa bahawa latihan membolehkan penemubual membezakan sama ada orang yang ditemubual jujur atau tidak berdasarkan tindak balas emosi, bahasa tubuh atau tindak balas fisiologi seseorang yang ditemubual. Pengesanan penipuan ini tidak boleh dipercayai.²⁰ Di samping itu, banyak kajian saintifik telah menyimpulkan bahawa teknologi 'pengesanan

14. B.L. Garrett, "Contaminated confessions revisited", *Virginia Law Review*, jilid. 101, No. 2. (April 2015); R.A. Leo, "Why interrogation contamination occurs", *Ohio State Journal of Criminal Law*, jilid. 11, No. 1 (2013).

15. C.A. Meissner, & S.M. Kassin, "You're guilty, so just confess!": cognitive and behavioral confirmation biases in the interrogation room" in *Interrogations, Confessions, and Entrapment*, G.D. Lassiter, ed. (Kluwer Academic/Plenum Publishers, 2004).

16. F.M. Narchet, C.A. Meissner, & M.B. Russano, "Modeling the influence of investigator bias on the elicitation of true and false confessions", *Law & Human Behavior*, jilid. 35, No. 6 (Disember 2011); A.A.S. Zuckerman, "Miscarriage of justice – a root treatment" *Criminal Law Review*, 323 (Mei 1992); K.A. Findley, M.S. Scott, "The multiple dimensions of tunnel vision in criminal cases", *Wisconsin Law Review*, jilid. 2 (Jun 2006).

17. A. Vrij, *Detecting Lies and Deceit: Pitfalls and Opportunities*, edisi ke-2 (West Sussex, England, John Wiley & Sons, 2011); Vrij et al. "Psychological perspectives on interrogation" (nota kaki 5); Gudjonsson, *The Psychology of False Confessions* (notakaki 5).

18. Drizin & Leo, "The problem of false confessions" (nota kaki 7). S.R. Gross, K. Jacoby, D.J. Matheson, N. Montgomery, & S. Patil, "Exonerations in the United States 1989 through 2003", *Journal of Criminal Law & Criminology*, jilid. 95, No. 2 (2005).

19. *Lihat, cth.*, F. Inbau, J. Reid, J. Buckley, & B. Jayne, *Criminal Interrogation and Confessions*, edisi ke-5. (Burlington, Mass., Jones & Bartlett Publishers, 2011).

20. P.A. Granhag, A. Vrij, & B. Verschuere, eds., *Deception Detection: New Challenges and Cognitive Approaches* (Chichester, UK, John Wiley & Sons, 2015).



pembbohongan' tidak mengesan pembbohongan dengan tepat,²¹ dan jika digunakan, boleh menyebabkan penghakiman salah dan juga salah laksana keadilan.²²

Penyelidikan amalan berkesan

29. Penyelidikan yang mendalam menyokong keberkesanan pendekatan pengumpulan maklumat melalui temubual. Kaedah berasaskan hubungan baik, tanpa paksaan, menawarkan set teknik berkesan yang dapat digunapakai dengan jayanya oleh profesional terlatih untuk mengumpulkan maklumat jenayah dan perisikan dari orang yang ditemubual - termasuk suspek jenayah, mangsa, saksi, dan sumber perisikan.
30. Membentuk dan memelihara hubungan baik ialah kemahiran mudah suai yang membantu mewujudkan hubungan kerja dan membolehkan komunikasi yang lebih baik.²³ Ini dicapai oleh penemubual yang membina hubungan baik dengan orang yang ditemubual berdasarkan kepercayaan dan rasa hormat terhadap maruah manusia.²⁴ Rasa empati²⁵ yang sebenar perlu ditunjukkan serta meyakinkan mereka bahawa layanan berpatutan akan diberikan.
31. Teknik berasaskan hubungan baik memberikan orang yang ditemubual autonomi terhadap apa yang mereka katakan atau tidak katakan dan memudahkan interaksi positif antara penemubual dengan orang yang ditemubual,²⁶ justeru meningkatkan kebolehdapatan pengumpulan maklumat yang tepat.²⁷

-
21. J. Synnott, D. Dietzel, & M. Ioannou, M. "A review of the polygraph: history, methodology and current status", *Crime Psychology Review*, jilid 1, No. 1 (2015); E. Rusconi & T. Mitchener-Nissen "Prospects of functional magnetic resonance imaging as lie detector", *Frontiers in Human Neuroscience*, jilid. 7, No. 594 (September 2013); National Research Council, *The Polygraph and Lie Detection* (Washington, DC, The National Academies Press, 2003).
 22. D. Church, "Neuroscience in the courtroom: an international concern", *William and Mary Law Review*, jilid 53, No. 5 (2012); J.H. Marks, "Interrogational neuroimaging in counterterrorism: a 'no-brainer' or a human rights hazard?" *American Journal of Law & Medicine*, jilid 33, No. 2-3 (2007).
 23. F. Gabbert, L. Hope, K. Luther, G. Wright, M. Ng, & G.E. Oxburgh, "Exploring the use of rapport in professional information-gathering contexts by systematically mapping the evidence base", *Applied Cognitive Psychology* (November 2020); A. Abbe, & S.E. Brandon, "The role of rapport in investigative interviewing: a review" *Journal of Investigative Psychology and Offender Profiling*, jilid. 10, No. 3 (2013).
 24. L. Brimbal, S.M. Kleinman, S. Oleszkiewicz, & C.A. Meissner, "Developing rapport and trust in the interrogative context: An empirically-supported and ethical alternative to customary interrogation practices" dalam *Interrogation and Torture: Integrating Efficacy with Law and Morality*, S.J. Barela, M. Fallon, G. Gaggioli, J.D. Ohlin, eds. (Oxford, Oxford University Press, 2020).
 25. Empati ialah fenomena pelbagai dimensi yang merangkumi proses kognitif dan keupayaan emosi (atau afektif). Ia merupakan kemampuan untuk memahami perspektif orang yang ditemubual dan dapat memahami emosi dan penderitaan orang lain. Pada dasarnya, ini ialah fenomena prasadar dan boleh ditimbulkan atau diganggu dengan sengaja. Lihat, mis., G.E. Oxburgh, & J. Ost, "The use and efficacy of empathy in police interviews with suspects of sexual offences" *Special Edition of the Journal of Investigative Psychology and Offender Profiling*, jilid. 8, No. 2 (Jun 2011); B. Baker-Eck, R. Bull, & D. Walsh, "Investigative empathy: a strength scale of empathy based on European police perspectives", *Psychiatry, Psychology and Law*, jilid. 27, No. 3 (2020).
 26. R. Bull, & A. Rachlew, "Investigative interviewing: from England to Norway and beyond", dalam *Interrogation and Torture*, Barela et al., eds. (notakaki 24); L.J. Alison, E. Alison, G. Noone, S. Elntib, & P. Christiansen, "Why tough tactics fail and rapport gets results: Observing Rapport-Based Interpersonal Techniques (ORBIT) to generate useful information from terrorists", *Psychology, Public Policy, and Law*, jilid 19, No. 4 (2013).
 27. C.E. Kelly, J.C. Miller, & A.D. Redlich, "The dynamic nature of interrogation", *Law and Human Behavior*, jilid 40, No. 3 (June 2016); J.M. Kieckhafer, J.P. Vallano, & N. Schreiber Compo, "Examining the positive effects of rapport building: when and why does rapport building benefit adult eyewitness memory?" *Memory*, jilid. 22, No. 8 (2014); U. Holmberg, & K. Madsen, "Rapport operationalized as a humanitarian interview in investigative interview settings" *Psychiatry, Psychology & Law*, jilid. 21, No. 4 (2014).



32. Cara untuk penemubual menggalakkan hubungan baik termasuklah tingkah laku yang boleh membentuk titik persamaan – tanpa berpura-pura – mengenai kepentingan bersama, identiti, atau sikap, dan menggunakan kemahiran pendengaran aktif.²⁸
33. Dapatan dari sejumlah besar penyelidikan mengenai bagaimana memori manusia mengekod, menyimpan dan mendapatkan semula maklumat telah menghasilkan kaedah temubual yang berkesan dalam menggalakkan laporan terperinci dan tepat oleh orang yang ditemubual dan meminimumkan kesan faktor yang dapat mempengaruhi keterangan mereka. Ini termasuk penggunaan soalan terbuka, tanpa saranan,²⁹ dan membolehkan seseorang mengingat kembali peristiwa atau maklumat daripada memori mereka secara bebas tanpa gangguan oleh penemubual.³⁰
34. Soalan yang dirancang secara strategik membolehkan penemubual menumpukan perhatian kepada hal-hal utama di bawah pertimbangannya. Teknik ini juga membolehkan penemubual menentukan sama ada maklumat yang diberikan selari dengan maklumat yang dikumpul sebelum ini.³¹
35. Pada dasarnya, penyelidikan yang meluas menunjukkan bahawa temubual yang berasaskan hubungan baik dan tanpa paksaan:
 - a. Merangsang komunikasi antara penemubual dengan orang yang ditemubual
 - b. Memudahkan dapatan semula memori;
 - c. Meningkatkan ketepatan dan dan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan
 - d. Membolehkan pemeriksaan teliti ketepatan maklumat yang diberikan
 - e. Meningkatkan kebolehdapatan pengakuan yang kaya dengan maklumat dan tulen.
 - f. Mengurangkan risiko mendapat maklumat palsu atau pengakuan palsu.

Asas Undang-undang

36. Standard undang-undang asas yang menopang Prinsip-prinsip tersebut tertanam teguh dalam undang-undang antarabangsa, menggunakan norma-norma jus cogens yang tidak boleh dikompromi, undang-undang adat antarabangsa, kewajiban triti, dan perundangan

-
28. C.J. Dando, & G.E. Oxburgh, "Empathy in the field: towards a taxonomy of empathic communication in information gathering interviews with suspected sex offenders", *European Journal of Psychology Applied to Legal Context*, jilid. 8, No. 1 (Januari 2016); Alison et al., "Why tough tactics fail" (nota kaki 26).
 29. D. Walsh, & R. Bull, "What really is effective in interviews with suspects? A study comparing interviewing skills against interviewing outcomes", *Legal and Criminological Psychology*, jilid. 15 (2010); M.B. Powell, R.P. Fisher, & R. Wright, "Investigative interviewing", in *Psychology and law: An empirical perspective*, N. Brewer, D. Kipling, & D. Williams, eds. (New York, NY, Guilford Press, 2005).
 30. R.P. Fisher, & R.E. Geiselman, *Memory enhancing techniques for investigative interviewing: The cognitive interview*. (Springfield, IL, Charles C Thomas, Publisher, 1992); R. Paulo, P. Albuquerque, F. Vitorino, & R. Bull, "Enhancing the cognitive interview with an alternative procedure to witness-compatible questioning: category clustering recall" *Psychology, Crime, & Law*, jilid 23, No. 10 (2017); A. Memon, C.A. Meissner & J. Fraser, "The cognitive interview: a meta-analytic review and study space analysis of the past 25 years", *Psychology, Public Policy, & Law*, jilid. 16, No. 4 (2010).
 31. G. Nahari, & A. Vrij, "The verifiability approach: advances, challenges and future prospects" in *Handbook of Legal and Investigative Psychology*, R. Bull & I. Blandón-Gitlin, eds. (New York, NY, Routledge, 2019); P.A. Granhag & M. Hartwig, "The strategic use of evidence technique" dalam Granhag, Vrij & Verschuere, eds., *Deception Detection* (nota kaki 20); S. Oleszkiewicz, & S.J. Watson, "A meta-analytic review of the timing for disclosing evidence when interviewing suspects", *Applied Cognitive Psychology*, jilid. 35, No. 2 (2020).



- antarabangsa, serantau, dan kebangsaan. Standard ini terpakai untuk semua sistem perundangan dan memungkinkan penggabungan domestik yang mengambil kira kepelbagaian tatacara undang-undang.
37. Temubual yang berkesan didasarkan pada standard dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa³². Norma perundangan berikut sangat penting untuk memastikan pelaksanaan praktikal kerangka temubual yang berkesan yang diperincikan dalam Prinsip-prinsip ini:
- a. Kebebasan daripada penyeksaan dan layanan buruk yang lain (hak untuk layanan yang berperikemanusiaan)
 - b. Kebebasan daripada penangkapan dan tahanan sewenang-wenangnya (hak untuk bebas dan mendapat keselamatan)
 - c. Hak untuk anggapan ketakbersalahan
 - d. Hak untuk berdiam diri dan tidak dipaksa menginkriminasikan diri (membabitkan diri dengan kesalahan)
 - e. Hak untuk sebuah perbicaraan yang adil
 - f. Hak untuk bebas daripada diskriminasi.
38. Larangan penyeksaan adalah mutlak, mengikat semua Negara, dan terpakai dalam semua keadaan.³³ Kaedah temubual secara paksaan atau tindakan lain yang bertujuan untuk mengaibkan, membangkitkan ketakutan, mendapatkan maklumat atau memaksa pengakuan dari orang yang ditemubual secara paksaan atau ancaman - atau sebaliknya menjejaskan keupayaan atau keputusan seseorang yang ditemubual untuk membuat pertimbangan – boleh membawa maksud penyeksaan atau layanan buruk yang lain.³⁴
39. Peraturan ketakmasuk bahan bukti itu sendiri merupakan norma undang-undang adat antarabangsa yang tidak boleh dikompromi, wujud dalam larangan penyeksaan dan layanan buruk lain. Peraturan melarang memperuntukkan bahawa tidak sah untuk menggunakan maklumat atau pernyataan, termasuk pengakuan atau pengakuan bersalah, yang diperoleh melalui penyeksaan atau layanan buruk yang lain, dalam mana-mana prosiding undang-undang (kecuali terhadap orang yang dituduh melakukan penganiayaan itu, sebagai bukti bahawa pernyataan atau maklumat yang menjadi persoalan itu telah dibuat atau diperoleh).³⁵

32. Terutamanya Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Resolusi Perhimpunan Agung 217 A (III) pada 10 Disember 1948; Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivill dan Politik (ICCPR), Resolusi Perhimpunan Agung 2200 A (XXI), pada 16 Disember 1966.

33. Art. 7 dari ICCPR; Art. 2 dari Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT); Art. 3 Konvensyen Geneva 1949.

34. Art. 16 UNCAT; A/71/298, perenggan. 44 (nota kaki 3); *lihat, mis.*, Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah (ECtHR), *Selmouni lwn. France*, No. 25803/94, Penghakiman, 28 Julai 1999, perenggan. 102-105.

35. Art. 15 UNCAT; Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Komen Umum No. 20, Art. 7, Larangan penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah (*Prohibition of torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment*), HRI/GEN/1/Rev.9 (Jilid I), 10 Mac 1992, perenggan. 12; A/HRC/25/60, Laporan Pelapor Khas mengenai Penyeksaan, 10 April 2014; *lihat juga* CAT/C/GC/2, Jawatankuasa Menentang Penyeksaan, Komen Umum No. 2, Pelaksanaan Artikel 2 oleh Agensi Negara (*Implementation of Article 2 by States Parties*), 24 Januari 2008, perenggan. 6; *lihat, mis.*, CAT/C/30/D/219/2002, perenggan. 6.10.



40. Undang-undang antarabangsa menetapkan standard spesifik yang relevan dan sedang berkembang maju bagi memastikan individu tidak menghadapi penyeksaan atau layanan buruk lain atau amalan-amalan yang dilarang secara mutlak, seperti kehilangan secara paksa dan hukuman di luar bidang kehakiman, seperti berikut:
- a. Penggunaan kekerasan ketika tangkapan atau penahanan seseorang untuk diletakkan di bawah jagaan hanya dibenarkan apabila benar-benar perlu dan hanya jika cara-cara lain tidak berkesan atau dijangka tidak memberi kesan yang diharapkan. Ia hendaklah dilakukan mengikut undang-undang dan bersekadar untuk mencapai objektif yang sah dan selalu menghormati hak untuk hidup.³⁶
 - b. Penggunaan senjata yang tidak membawa maut hendaklah selalu dinilai dan dikawal dengan berhati-hati. Senjata api tidak boleh digunakan, kecuali bila benar-benar perlu untuk tujuan yang sah dan hanya bila cara yang tidak terlalu ekstrem tidak mencukupi untuk mencapai matlamat.³⁷
 - c. Penggunaan hukuman ke atas tubuh badan dan peralatan seperti rantai, kaki besi, dan tali pinggang pegun sememangnya menyakitkan dan/atau menjatuhkan maruah serta sentiasa dilarang selalu.³⁸
 - d. Peralatan dan teknik sekatan hanya boleh digunakan sebagai jalan terakhir; hendaklah berdasarkan penilaian risiko individu; sekurang-kurangnya yang paling tidak mengganggu bagi mencapai matlamat keselamatan yang sah; kegunaan mereka hendaklah dikawalselia undang-undang dan direkodkan – ia tidak boleh pernah digunakan sebagai hukuman dan hendaklah ditanggalkan sebaik sahaja tidak lagi diperlukan.³⁹
 - e. Penyusunan dan penjagaan sistematik daftar pegawai yang dikemaskini dan rekod semua orang yang dilucutkan kebebasannya.⁴⁰
 - f. Penggunaan kurungan bersendirian hendaklah dikawalselia oleh undang-undang dengan ketat. Ia hendaklah digunakan hanya dalam kes-kes berkecuali sebagai jalan terakhir, untuk jangka masa yang paling singkat, dan hanya dengan kebenaran pihak berkuasa yang layak. Ia tidak boleh melebihi 15 hari berturut-turut

36. Art. 2 ICCPR; Prinsip Asas Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasa Undang-undang (Prinsip Asas) (*Basic Principles on the Use of Force and Firearms by Law Enforcement Officials (Basic Principles)*), 1990; A/RES/34/169, Tatakelakuan bagi Pegawai Penguat Kuasa Undang-undang (*Code of Conduct for Law Enforcement Officials*), 17 Disember 1979; Peraturan 82 of A/RES/70/175, Peraturan Minimum Standard bagi Layanan terhadap Tahanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Peraturan Nelson Mandela); A/HRC/RES/46/15, Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, 23 Mac 2021, perenggan. 14; lihat juga E/CN.4/2004/56, Laporan Pelapor Khas mengenai Penyeksaan, 2003, perenggan.44.

37. *Basic Principles*, 1990; A/RES/34/169; A/HRC/46/15, perenggan. 12; lihat juga CCPR/C/GC/36, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Komen Umum No. 36: Artikel 6, hak untuk hidup, 3 September 2019, perenggan. 14.

38. Peraturan-peraturan 43 dan 47 Peraturan Nelson Mandela; Peraturan 67 A/RES/45/113, Peraturan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perlindungan Juvenil yang Dilucutkan Kebebasannya (Peraturan Havana), 14 Disember 1990.

39. Peraturan 47 dan 48 Peraturan Nelson Mandela; A/RES/43/173, Kumpulan Prinsip untuk Perlindungan terhadap Semua Orang yang Berada dalam Sebarang Bentuk Penahanan atau Pemenjaraan (*Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment*) (Kumpulan Prinsip) 9 Disember 1998.

40. Art. 17(3) Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Semua Orang Daripada Tindakan Penghilangan Paksa (Konvensyen Penghilangan Paksa), 2007; A/HRC/RES/31/31, Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, 24 Mac 2016, perenggan. 9.



dan dilarang dikenakan ke atas orang yang mengalami ketakdayaan psikososial, kanak-kanak, dan wanita mengandung atau menyusukan anak.⁴¹

- g. Sanksi disiplin hendaklah sejajar dengan maruah manusia, mematuhi undang-undang dan bersekadar, dikeluarkan menurut syarat tatacara, dan direkodkan sewajarnya.⁴²
41. Hak untuk kebebasan dan keselamatan peribadi memainkan peranan penting dalam melindungi integriti fizikal dan mental semua orang. Hak untuk kebebasan ialah tiada sesiapa yang boleh dikenakan tangkapan dan penahanan arbitrari. Amalan seperti kehilangan paksa, penahanan rahsia, dan penahanan incommunicado (tanpa kebenaran untuk berhubung dengan dunia luar) secara berpanjangan adalah arbitrari dan dilarang secara mutlak pada setiap masa di bawah undang-undang antarabangsa.⁴³
42. Orang yang ditemubual sebagai suspek atau tertuduh dalam prosiding jenayah selalu terhalang kebebasannya. Pihak berkuasa hendaklah memastikan orang sedemikian terus dilayan dengan berperikemanusiaan dan menikmati layanan dan suasana tahanan seperti yang ditetapkan mengikut standard undang-undang antarabangsa, termasuk Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela).⁴⁴
43. Sebarang penahanan, tangkapan atau perlucutan kebebasan hendaklah dibuat mengikut undang-undang dan dilaksanakan mengikut asas dan tatacara yang dinyatakan dengan jelas dalam perundangan dan konsisten dengan undang-undang antarabangsa, seperti menurut waran kehakiman atau penentuan sebab barangkali. Mana-mana kejadian tangkapan dan perlucutan kebebasan hendaklah dilaksanakan bila perlu sahaja, bersekadar dan sebagai jalan terakhir. Sekadar mengadakan temubual atau melanjutkan penyiasatan tidak cukup untuk menjadikannya sah bagi pihak polis atau pihak berkuasa kehakiman untuk melucutkan kebebasan seseorang.⁴⁵
44. Mana-mana keputusan untuk menangkap dan menahan seseorang hendaklah berlandaskan penilaian keadaan tertentu individu tersebut dan mana-mana sebab yang boleh dijustifikasikan dan disahkan untuk mempercayai bahawa individu tersebut berisiko melarikan diri, memusnahkan bukti, mempengaruhi saksi atau melakukan jenayah baru. Pihak berkuasa yang relevan patut mempertimbangkan sama ada sebarang risiko yang telah dikenal pasti boleh dikurangkan dengan menggunakan alternatif yang tidak memerlukan individu tersebut diletakkan di bawah jagaan berbanding perlucutan kebebasan. Pelepasan suspek tertakluk kepada langkah-langkah yang perlu, bersekadar dan tiada diskriminasi yang bertujuan untuk mengelakkan risiko tertentu yang datang

41. Peraturan-peraturan 37, 43, 44, 45 Peraturan Nelson Mandela; Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, General Comment No. 20, para 6; A/66/268, Laporan Pelapor Khas mengenai Penyeksaan, 2011; Peraturan 22 A/C.3/65/L.5, Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Layanan terhadap Banduan Wanita dan Langkah-Langkah tanpa Pemenjaraan bagi Pesalah Wanita (Peraturan Bangkok), 6 Oktober 2010; Peraturan 67 Peraturan Havana.

42. Peraturan-peraturan 36 dan 37 Peraturan Nelson Mandela; Prinsip 30 Kumpulan Prinsip.

43. Art. 9(1) ICCPR; Art. 17 dalam Konvensyen Penghilangan Paksa; Art. 37(b) dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), 20 November 1989.

44. Peraturan Nelson Mandela; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 6.

45. Art. 9(1) dalam ICCPR; Art. 17 dalam Konvensyen Penghilangan Paksa.



- daripada individu tersebut, seperti jaminan untuk hadir ke perbicaraan atau temubual. Syarat pelepasan, seperti ikat jamin, boleh dikenakan tetapi hendaklah yang paling longgar, sekadar yang perlu untuk mengurangkan risiko tertentu yang telah dikenal pasti, dan hendaklah tiada diskriminasi.⁴⁶
45. Anggapan ketakbersalahan menyatakan bahawa suspek atau tertuduh dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya di mahkamah undang-undang. Ini bermakna beban pembuktian kesalahan melebihi keraguan yang munasabah terletak pada pihak berkuasa pendakwaan dan hendaklah mengemukakan keterangan yang disahkan di mahkamah undang-undang.⁴⁷ Dengan mengamalkan prinsip undang-undang ini, penemubual juga boleh meningkatkan kebarangkalian maklumat yang dikumpul adalah tepat dan boleh dipercayai, dan menjadi keterangan sah dan boleh digunakan dalam prosiding undang-undang.
 46. Dalam anggapan ketakbersalahan wujud hak untuk berdiam diri dan dilindungi daripada paksaan untuk menginkriminasikan diri. Ini menjamin hak seseorang yang disoal oleh pihak berkuasa untuk enggan memberikan komen atau memberikan jawapan, supaya boleh mengelak daripada dipaksa untuk menginkriminasikan dirinya atau lain-lain sebab. Kesenyapan suspek atau tertuduh tidak seharusnya menjadi penentu kebersalahan atau ketakbersalahan di dalam mahkamah dan tidak sepatutnya memberi kesan terhadap hak mereka untuk dianggap tidak bersalah.⁴⁸
 47. Pihak berkuasa hendaklah memastikan supaya semua orang yang ditemubual menikmati hak asasi mereka tanpa sebarang perbezaan dan dilayan tanpa diskriminasi.⁴⁹ Pelaksanaan kebebasan daripada diskriminasi yang berkesan memastikan semua orang yang ditemubual mempunyai hak kesamarataan di sisi undang-undang dan dilayan dengan hormat dan pertimbangan sewajarnya serta memberikan perlindungan tertentu terhadap sebarang keadaan rentan yang dihadapi orang yang ditemubual.
 48. Prinsip-prinsip asas perundangan yang dirangka dalam bahagian ini juga menyediakan asas untuk pelbagai perlindungan undang-undang dan tatacara terhadap penganiayaan dan amalan penyalahgunaan lain. Perlindungan ini merupakan bahagian penting dalam proses temubual yang menyeluruh; apabila dilaksanakan dengan berkesan, akan berhasil melindungi hak asasi orang yang ditemubual⁵⁰ dan menjamin integriti maklumat yang diperolehi ketika temubual.

46. A/RES/45/110, Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Langkah-Langkah tanpa Pemenjaraan (Peraturan Tokyo), 2 April 1991; lihat juga garis panduan 4 dalam Garis Panduan UNHCR mengenai Kriteria dan Standard Terpakai berkenaan dengan Penahanan Pencari Suaka dan Alternatif Penahanan (*UNHCR Guidelines on the Applicable Criteria and Standards relating to the Detention of Asylum-Seekers and Alternatives to Detention*), 2012; mukasurat 17-24 dalam *UNODC Handbook on Basic Principles and Promising Practices on Alternatives to Imprisonment*, 2007.

47. Art. 14(3) dalam ICCPR; CCPR/C/GC/32, Human Rights Committee, Komen Umum No. 32: Artikel 14, Hak kesamaan di mahkamah dan tribunal serta perbicaraan yang adil (*Right to equality before courts and tribunals and to a fair trial*), 23 Ogos 2007, perenggan. 30.

48. Art. 6(2) dan 14(3) ICCPR 14(3); Perkara 55(2)(b) dalam Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa, 17 Julai 1998; peraturan 111 dalam Peraturan Nelson Mandela; prinsip 15 dan 24 dalam Kumpulan Prinsip; lihat juga ECtHR, *John Murray v United Kingdom*, No. 18731/91, Penghakiman, 1996, perenggan. 45.

49. Art. 2(1) ICCPR; Jawatankuasa Hak Asasi, Komen Umum No.18: Tanpa diskriminasi, diterima pakai pada Sesi Ke-37, 10 November 1989.

50. A/HRC/RES/31/31; lihat R. Carver & L. Handley, *Does Torture Prevention Work?* (Liverpool, UK, Liverpool University Press, 2016).



Asas Etika Profesional

49. Penemubual yang berkesan patut mematuhi piawaian etika yang tertinggi. Kawal selia profesional bagi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa lain yang mengumpul maklumat, misalnya kod etika dan tertib profesional, menyatakan tujuan, nilai dan jangkaan tingkahlaku yang wajar.⁵¹ Piawaian profesional ini patut mengawal semua aspek tugas seorang pegawai, termasuk temubual, sesuai dengan kewajipan undang-undang antarabangsa.
50. Komitmen untuk menjalankan temubual yang beretika patut membimbing mana-mana penemubual. Mereka tidak patut mengorbankan prinsip demi kepentingan walaupun terdapat tekanan besar untuk melakukan sebaliknya (misalnya masa yang terhad atau mahukan hasil). Dalam menggunakan kuasa ketika menggunakan undang-undang, penemubual patut mensasarkan untuk mendapatkan hasil yang kukuh, yang boleh dipertahankan, yang mampu berhadapan dengan pemantauan etika, kehakiman dan masyarakat awam.
51. Kod etika profesional bagi pegawai penguatkuasa undang-undang menekankan kepentingan rasa hormat, keadilan dan kejujuran sebagai asas semua temubual:
 - a. Hormat termasuk menghormati undang-undang, maruah seseorang, dan integriti proses pengumpulan maklumat. Ia juga termasuk menghormati autonomi individu, termasuk hak setiap orang yang ditemubual untuk memilih sama ada hendak bercakap atau tidak.
 - b. Keadilan bermakna penemubual melayan orang yang ditemubual dengan adil, tanpa pilih kasih atau diskriminasi. Keadilan ialah bertindak dengan kawalan sendiri dan profesionalisme pada setiap masa, walaupun menghadapi provokasi, dan mengenyahkan semua pendapat peribadi.
 - c. Kejujuran bermaksud ikhlas dan tulus mengendalikan orang yang ditemubual. Penemubual tidak memanipulasi atau menipu orang yang ditemubual dengan penipuan, tanggapan salah, pernyataan yang berlebih-lebih, separuh benar atau lain-lain lagi.
52. Pada setiap masa, pegawai dikehendaki menggunakan kuasa kerajaan secara sah, adil dan bertanggungjawab. Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, yang dilakukan dalam kapasiti rasmi, ialah suatu penyalahgunaan kuasa. Tindakan tidak beretika, seperti menipu dan memanipulasi, juga boleh dikatakan suatu penyalahgunaan kuasa.
53. Penemubual mempunyai tanggungjawab etika untuk menggunakan kaedah yang paling berkesan yang tersedia bagi melindungi hak dan maruah orang yang ditemubual serta integriti proses. Penemubual mempunyai tanggungjawab yang sepadan untuk menolak taktik paksaan, kerana ia memudaratkan orang yang ditemubual, menjejaskan objektif mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh menyebabkan pelanggaran hak asasi manusia.

51. Lihat, *mis.*, A/RES/34/169; Persatuan Ketua Polis Antarabangsa (IACP), Tatakelakuan Penguat kuasa Undang-undang (*Law Enforcement Code of Ethics*), Oktober 1957; *Southern African Regional Police Chiefs Co-operation Organisation (SARPCCO)*, Resolusi Harare mengenai Tatakelakuan SARPCCO bagi Pegawai Polis (*Harare Resolution on the SARPCCO Code of Conduct for Police Officials*), 31 Ogos 2001; Rec(2001)10, Tatarcara Etika Polis Eropah (*The European Code of Police Ethics*), Majlis Eropah (*Council of Europe*), 19 September 2001.



◀ Prinsip 2 ▶ Amalan

Temubual yang berkesan ialah proses menyeluruh bagi mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai di samping menerapkan perlindungan undang-undang yang berkaitan.



Proses yang Menyeluruh

54. Temubual yang berkesan ialah sebuah proses dan bukannya berlaku sekelip mata. Proses tersebut merangkumi semua interaksi antara pihak berkuasa penyiasatan dan pengumpulan maklumat dengan orang yang hendak disoal. Proses bermula dari saat seseorang pegawai mengenal pasti seseorang individu bagi mendapatkan maklumat daripadanya, berterusan sepanjang temubual dan berakhir sebaik sahaja penemubual menjalankan penilaian ke atas proses tersebut dan menganalisis hasilnya. Layanan terhadap orang yang ditemubual sepanjang proses tersebut – sebelum, semasa dan selepas sebarang temubual – penting bagi integriti proses tersebut.
55. Temubual ialah sebuah proses penyesuaian yang rumit yang melibatkan manusia, tingkah laku dan hak asasinya. Proses ini dipengaruhi oleh keadaan persekitaran, dan hasilnya boleh dipengaruhi tindakan penemubual dan semua pihak berkuasa yang terlibat. Proses tersebut menyebabkan penemubual lebih fokus terhadap pengumpulan maklumat, daripada terdorong untuk mendapatkan pengakuan, dan mengekalkan pendekatan yang fleksibel berbanding linear untuk mencungkil keterangan yang tepat dan boleh dipercayai. Tambahan pula, setiap temubual berbeza-beza, jadi penemubual perlu membuat pertimbangan profesional yang terbaik dalam memutuskan cara untuk meneruskan temubual pada bila-bila masa tertentu, tetapi masih sejajar dengan Prinsip-prinsip yang digariskan.
56. Temubual tidak wujud secara berasingan; ia sebahagian daripada usaha penyiasatan atau pengumpulan maklumat yang lebih besar. Sesuatu temubual dipandu oleh objektif operasi yang lebih besar dan bukti tersedia yang lain. Maklumat yang dikumpul ketika temubual boleh digunakan untuk disesuaikan dengan sasaran dan strategi penyiasatan yang lebih luas, malah membuka penyiasatan yang baru. Maklumat yang diperolehi ketika temubual mungkin penting, kerana biasanya ia menyediakan asas untuk keputusan yang berikutnya,



seperti sama ada hendak membuat pendakwaan atau tidak, dan mungkin akan dikemukakan sebagai keterangan penting dalam prosiding undang-undang atau selainnya.

57. Sebuah temubual yang berkesan secara tipikalnya akan melibatkan yang berikut:
- a. Persediaan dan perancangan yang menyeluruh
 - b. Memastikan perlindungan yang relevan digunapakai sepanjang masa
 - c. Bersikap terbuka, termasuk mengelakkan prejudis
 - d. Mewujudkan persekitaran yang tidak memaksa
 - e. Membina dan mengekalkan hubungan baik
 - f. Menggunakan teknik menyoal yang disokong secara saintifik dan undang-undang
 - g. Pendengaran aktif dan membolehkan orang yang ditemubual bercakap sepenuhnya dan dengan bebas
 - h. Penilaian dan analisis terhadap maklumat yang dikumpulkan dan proses temubual

Maklumat yang Tepat dan Boleh Dipercayai

58. Objektif semua temubual ialah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai daripada orang yang ditemubual; bukannya untuk mengesahkan kepercayaan penemubual tentang apa yang mungkin berlaku, atau memaksa mereka yang ditemubual memberikan maklumat. Maklumat yang tepat dan boleh dipercayai menjadi asas pembuatan keputusan yang kukuh oleh pihak berkuasa siasatan dan proses mengumpulkan maklumat.
59. Mencari maklumat yang tepat dalam temubual bermaksud penemubual menyasarkan untuk mendapatkan gambaran kejadian yang s bebas daripada kesilapan atau kecacatan semampu yang mungkin. Memori boleh menjadi lemah, tidak sempurna, tidak lengkap dan menghilang dengan cepat. Oleh yang demikian, penemubual patut berusaha mengumpul dan merekod keterangan apakah yang berlaku dalam sesuatu kejadian melalui pemeriksaan, penuh fakta dan selengkap mungkin tanpa ada apa-apa yang tertinggal atau diputarbelitkan.
60. Mencari maklumat yang boleh dipercayai dalam sesebuah temubual bermaksud keterangan tersebut, ketika diberikan tanpa halangan atau paksaan, boleh dipercayai dan boleh dipertahankan ketika pemeriksaan rapi, contohnya dalam prosiding undang-undang nanti.

Perlindungan Undang-undang

61. Perlindungan undang-undang dan tatacara yang terpasak dalam norma perundangan antarabangsa merupakan komponen penting dalam proses temubual. Perlaksanaannya yang berkesan ketika sebelum, semasa dan selepas temubual menyumbang kepada kejayaan proses tersebut, dengan memastikan rasa hormat terhadap hak asasi serta meningkatkan kebolehpercayaan dan nilai keterangan daripada maklumat yang diperolehi. Perlindungan undang-undang meningkatkan kebarangkalian temubual



dijalankan dengan profesional, berkesan dan layanan berpatutan diberikan sepanjang proses pengumpulan maklumat dan kehakiman. Maka menjadi tanggungjawab pihak berkuasa, termasuk penemubual, bagi memastikan bahawa orang yang ditemubual dilayan dengan bermaruah dan menghormati piawaian undang-undang yang relevan kerana ia memberikan hasil yang sah dalam undang-undang.

62. Pihak berkuasa hendaklah memastikan pelaksanaan berkesan perlindungan-perlindungan berikut sepanjang proses temubual:⁵²
- a. Hak untuk dimaklumkan tentang hak
 - b. Hak untuk berdiam diri
 - c. Hak untuk dimaklumkan tentang sebab tangkapan dan sebarang pertuduhan ketika tangkapan
 - d. Akses kepada penterjemahan
 - e. Hak untuk memaklumkan ahli keluarga atau pihak ketiga tentang penahanan
 - f. Hak mendapatkan akses kepada peguam, termasuk melalui bantuan guaman
 - g. Hak mendapatkan akses kepada doktor dan pemeriksaan perubatan bebas
 - h. Hak menghubungi dunia luar
 - i. Pendaftaran individu yang diletakkan dalam tahanan
 - j. Rakaman penuh temubual
 - k. Hak untuk menyemak dan menandatangani rekod temubual
 - l. Hak untuk dibawa ke hadapan seorang hakim atau pihak berkuasa kehakiman yang lain dengan segera
 - m. Akses kepada mekanisme aduan dan pemerhatian yang bebas dan berkesan

Sebelum temubual – Memastikan Persekitaran yang Tidak Memaksa

63. Menghormati dan mematuhi hak asasi manusia sejak pertemuan pertama antara pihak berkuasa dan orang yang ditemubual sangat penting untuk mewujudkan persekitaran yang tidak memaksa. Ini membolehkan pegawai-pegawai perisik, tentera, penguatkuasa undang-undang atau keselamatan mewujudkan keadaan yang sesuai untuk mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai semasa temubual, menjalankan tanggungjawab Kerajaan di bawah undang-undang antarabangsa dan melindungi hak-hak orang yang ditemubual.
64. Perlakuan yang tidak mematuhi undang-undang, tidak profesional dan kurang bertanggungjawab, pada tahap awal pertemuan mungkin mencemarkan keseluruhan proses kehakiman dan tidak dapat dipulihkan.
65. Stereotaip dan prejudis boleh mencemarkan sesebuah temubual dan melemahkan pendekatan berasaskan hubungan baik dan pemikiran terbuka yang diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dari temubual. Penemubual perlu mempunyai

52. A/HRC/RES/31/31; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 4 dan 5.



- kesedaran diri yang tinggi untuk mengelakkan pertimbangan praanggapan dalam sedar dan tidak sedar mengenai identiti, ciri atau latar belakang orang yang ditemubual daripada mempengaruhi soalan dan tafsiran terhadap maklumat yang diberikan.
66. 'Perbualan tak rasmi'⁵³ yang berisiko menggagalkan temubual rasmi atau perlindungan yang terpakai tidak sepatutnya berlaku. Sebaik saja keputusan untuk tangkapan dibuat, pegawai sepatutnya hanya mengutarakan soalan yang tertentu sahaja kepada orang yang bakal ditemubual di luar temubual rasmi, seperti maklumat peribadi atau data biografi yang perlu bagi tujuan melaksanakan tangkapan dan tatacara meletakkan orang di bawah jagaan.
 67. Risiko layanan yang melanggar undang-undang dan tidak berperikemanusiaan sangat tinggi terutamanya semasa ditangkap atau ditahan dan sebelum tiba di tempat tahanan yang rasmi. Risiko yang berkaitan sepanjang tempoh ini termasuk penggunaan kekerasan yang berlebihan, penyalahgunaan sekatan, menyoal dengan paksaan secara mendadak, dan mengurung secara berpanjangan dalam kenderaan pembawa – semuanya boleh terjumlah atau serupa seperti penyiksaan.⁵⁴
 68. Apabila keputusan dibuat untuk meletakkan seseorang dalam tahanan, pihak berkuasa hendaklah memastikan bahawa orang tersebut dibawa tanpa berlengah-lengah lagi ke tempat tahanan rasmi yang dikenal pasti. Pada setiap masa seorang tahanan dihantar dari atau ke tempat tahanan (atau lokasi lain, contohnya mahkamah) untuk ditemubual, dia hendaklah dibawa dengan cara yang berperikemanusiaan, selamat dan terlindung. Tatacara membawa tahanan dengan selamat hendaklah disokong dengan penyimpanan rekod yang menyeluruh dan betul, dalam daftar rasmi yang mencatat rekod penjagaan setiap individu dan merekod butir-butir seperti waktu halangan kebebasan, individu yang bertanggungjawab ke atas jagaan, keadaan tahanan semasa ketibaan, dan waktu ketibaan di tempat tahanan.⁵⁵
 69. Layanan buruk atau keadaan yang tidak mencapai piawaian ketika tempoh permulaan ini mungkin meninggalkan kesan negatif terhadap penyiasatan dan mana-mana temubual selanjutnya: orang yang ditemubual mungkin keberatan untuk bercakap dan mungkin mengalami kesan kognitif dan fizikal yang memudaratkan serta melemahkan keupayaan mereka untuk memahami sepenuhnya dan menggunakan hak mereka, serta keupayaan mereka untuk memberikan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai. Memastikan perlindungan hak asasi dan maruah orang yang ditemubual ketika ini, selain daripada menjalankan tugas sah sebagai pegawai, menyumbang kepada integriti semua tatacara yang berikutnya.
 70. Apabila seseorang ditahan sebelum atau semasa sesi temubual, pihak berkuasa hendaklah memastikan bahawa penahanan dibuat dengan mematuhi hak asasi manusia dan mereka

53. Ini merujuk kepada sebarang komunikasi antara pegawai dan suspek, saksi, mangsa atau orang berkepentingan lain di luar temubual rasmi.

54. Lihat A/72/178, Laporan pelapor Khas mengenai Penyiksaan, 20 Julai 2017.

55. Art. 17 Konvensyen Penghilangan Paksa.



dilayan dengan bermaruah pada setiap masa. Ini termasuklah memenuhi keperluan asas berkenaan makanan, air, suhu dan rehat yang secukupnya.⁵⁶

71. Temubual tidak sepatutnya terlampau lama dan hendaklah dijalankan dalam persekitaran yang tidak menakutkan, dan mematuhi hak asasi⁵⁷ dengan memberi perhatian kepada privasi dan keselamatan. Keadaan fizikal yang optimal bagi orang yang ditemu ramah boleh meningkatkan penumpuan, menggalakkan hubungan baik, meningkatkan komunikasi dan memudahkan peringatan semula yang boleh dipercayai.

Memaklumkan orang yang ditemubual

72. Menunjukkan keprihatinan terhadap orang yang ditemubual sejak pertemuan awal ialah peluang pertama untuk membina kepercayaan dan hubungan baik. Hal ini lebih mudah berlaku jika orang yang ditemubual diberikan penjelasan awal dan jujur tentang sebab mereka dibawa untuk disoal, formaliti apa yang digunapakai, dan bagaimana temubual akan dijalankan. Memberi penjelasan mengenai tatacara dan aktiviti yang mungkin berlaku ialah peluang awal untuk menunjukkan keikhlasan, rasa hormat, memberikan jangkaan dan perhatian penuh, serta menggalakkan rasa percaya.⁵⁸
73. Apabila seseorang itu dilucutkan kebebasannya, pihak berkuasa tahanan mestilah menerangkan dengan jelas kepada orang tersebut: tindakan yang sedang diambil (misalnya tangkapan); alasan berfakta dan undang-undang yang menjustifikasikan tindakan tersebut;⁵⁹ dan berkomunikasi dengan jelas memaklumkan tentang hak mereka.⁶⁰ Pihak berkuasa tahanan hendaklah pada sepanjang proses mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mereka memahami sebab-sebab dan hak, termasuk bagaimana untuk mengakses dan menggunakan hak mereka sepenuhnya.
74. Hak untuk dimaklumkan oleh pihak berkuasa tentang sebab tangkapan terpakai tidak kira bagaimana cara, formaliti atau perbuatan tak rasmi yang dilakukan untuk melaksanakan tangkapan, dan juga tidak kira apa-apa pun sebab perlucutan kebebasan. Memberikan maklumat mengenai sebab tangkapan dan sebarang pertuduhan ialah perlindungan terhadap tangkapan sewenang-wenang dan membolehkan seseorang mencabar kesahan tangkapan mereka dan memohon supaya dilepaskan sekiranya mereka percaya bahawa sebab tangkapan itu tidak berasas, tidak sah, atau menyalahi undang-undang. Ini juga membolehkan seseorang mencabar dan memohon supaya keadaan dan layanan dalam tahanan diperbaiki.

56. Art. 16 UNCAT; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 6; lihat juga CPT/Inf(2019)9, Laporan Am ke-28 CPT, April 2019, perenggan. 80; Suruhanjaya Afrika mengenai Hak Asasi Manusia dan Rakyat, Panduan Tangkapan, Jagaan Polis dan Tahanan Pra-Bicara di Afrika (Panduan Luanda), 28 Julai 2016, Peraturan 4(e); Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Amerika, Prinsip-prinsip dan Amalan Terbaik Perlindungan Orang yang Dilucutkan Kebebasan Americas, diluluskan oleh Suruhanjaya pada sesi biasa ke-131 yang diadakan pada 2-14 Mac 2008, prinsip XI.

57. A/HRC/RES/31/31, perenggan. 12.

58. C.J. Place & J.R. Meloy, "Overcoming resistance in clinical and forensic interviews", *International Journal of Forensic Mental Health*, jilid.17, No. 4 (2018).

59. Art. 9(2) ICCPR; A/HRC/RES/31/31, perenggan. 6; A/HRC/46/15, perenggan. 4.

60. A/HRC/RES/31/31, perenggan. 6; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 4; prinsip 13 Kumpulan Prinsip.



75. Apabila tangkapan dibuat, pihak berkuasa hendaklah memaklumkan orang yang ditemubual tentang hak mereka dan bagaimana untuk menggunakannya dan makluman hendaklah disampaikan secara lisan, dalam bahasa yang jelas, bukan teknikal, dan tepat; dan hendaklah juga disediakan secara bertulis oleh pihak berkuasa tahanan apabila tiba di tempat tahanan dalam bahasa dan format yang difahami oleh orang yang ditangkap. Borang bertulis yang menyatakan hak-hak mereka hendaklah ditandatangani oleh orang yang ditangkap dan mereka hendaklah dibenarkan menyimpan sesalinan borang tersebut.
76. Jurubahasa bebas dan profesional hendaklah disediakan untuk semua orang yang ditemubual yang tidak bertutur atau tidak memahami bahasa yang digunakan oleh pihak berkuasa, termasuk orang yang mempunyai ketidakupayaan deria seperti penglihatan, pendengaran dan lain-lain kekurangan upaya. Penterjemahan itu hendaklah segera disediakan dan tersedia sepanjang proses temubual, terutamanya ketika hak orang yang ditangkap diterangkan kepada mereka dan ketika mereka memilih untuk menggunakan hak mendapatkan akses kepada peguam dan doktor atau profesional perubatan.⁶¹

Pemberitahuan kepada Keluarga atau Pihak Ketiga

77. Satu perlindungan yang sangat penting bagi tahanan ialah hak mereka untuk memberitahu dengan segera seorang ahli keluarga, rakan atau orang lain yang dipilih mereka mengenai fakta, tempat dan keadaan penahanan.⁶² Pihak berkuasa tahanan bertanggungjawab membolehkan komunikasi dengan pihak ketiga dan merekodkan siapa yang telah diberitahu dan bilakah pemberitahuan itu dibuat. Selain daripada menjadi kewajipan undang-undang, memudahkan hubungan dengan dunia luar juga merupakan satu peluang untuk membina rasa percaya dan hubungan baik dengan tahanan.
78. Pihak berkuasa mungkin boleh menengguhkan pemberitahuan kepada pihak ketiga atas sebab yang luar biasa, dan hanya jika penengguhan tersebut diperuntukkan oleh undang-undang dan perlu bagi mengelakkan risiko terhadap penyiasatan (misalnya mengelak penghapusan bukti atau rakan sejenayah melarikan diri). Sebab penengguhan hendaklah direkodkan secara terperinci, boleh diakses oleh peguam dan orang yang dilucutkan kebebasannya, diluluskan oleh pihak pendakwa atau hakim atau pegawai kanan lain yang layak dan penengguhan itu hendaklah diawasi sesuai dengan sebarang keperluan dan pertimbangan.⁶³
79. Warganegara asing yang ditangkap atau ditahan hendaklah dimaklumkan segera hak mereka untuk berhubung dengan konsular atau wakil diplomatik negara asal mereka, dan pencari suaka hendaklah dimaklumkan tentang hak mereka untuk menghubungi agensi antarabangsa yang relevan.⁶⁴ Perhubungan hendaklah dibantu oleh pihak berkuasa tahanan.

61. A/HRC/RES/31/31, perenggan. 12(d); A/HRC/RES/46/15, perenggan. 4; peraturan 55(2) Peraturan Nelson Mandela; prinsip 14 Kumpulan Prinsip; lihat juga A/RES/67/187, Prinsip dan Garis Panduan Akses kepada Bantuan Guaman dalam Sistem Keadilan Jenayah (Prinsip dan Garis Panduan Bantuan Guaman) 20 Disember 2012, perenggan 42(d).

62. Art. 17(2)(d) Konvensyen Penghilangan Paksa; A/HRC/RES/46/15, perenggan 5; prinsip 16 dan 19 Kumpulan Prinsip.

63. Prinsip 16.4 Kumpulan Prinsip; Prinsip dan Garis Panduan Bantuan Guaman, perenggan 43(e).

64. Art. 17(2)(d) Konvensyen Penghilangan Paksa; A/HRC/RES/46/15, perenggan 4; prinsip 16.2 Kumpulan Prinsip



Akses kepada Peguam

80. Sebelum sebarang soalan ditanya oleh pihak berkuasa, semua tahanan yang ditemubual mempunyai hak diwakili peguam, termasuk melalui bantuan guaman - yang berstatus atau berjawatan bebas. Hak ini terpakai sejak bermulanya perlucutan kebebasan.⁶⁵
81. Akses kepada peguam semestinya dikaitkan dengan perlindungan hak, berupaya menghalang penyeksaan dan layanan buruk yang lain, dan membantu melindungi mereka daripada dipaksa menginkriminasikan diri.
82. Orang yang ditemubual berhak mendapatkan peguam pilihan mereka sendiri, atau peguam yang disediakan secara percuma demi kepentingan keadilan.⁶⁶ Mereka berhak berbincang dengan peguam dalam tempoh yang mencukupi dan suasana yang tertutup sebelum temubual. Pegawai tahanan hendaklah aktif membantu peguam hadir tepat pada masanya dengan kerjasama penemubual (sekiranya pegawai yang berbeza).⁶⁷
83. Apabila orang yang ditemubual meminta kehadiran peguam, temubual tersebut – atau kononnya ‘perbualan tak rasmi’ – tidak boleh berlaku sebelum orang yang ditemubual bertemu peguam mereka dan tidak boleh dijalankan tanpa kehadiran peguam tersebut.
84. Orang yang ditemubual boleh mengeneipkan hak diwakili peguam. Sekiranya, atau apabila orang yang ditemubual mengambil keputusan untuk mengeneipkan hak diwakili peguam, pengeneipan tersebut haruslah dibuat dengan bebas, sukarela, dan direkodkan sewajarnya, dan hendaklah ditandatangani oleh orang yang ditahan. Sesiapa yang telah mengeneipkan hak diwakili peguam hendaklah dimaklumkan dengan jelas bahawa penepian tersebut boleh dibatalkan pada bila-bila masa.⁶⁸
85. Kehadiran peguam wajib bagi kanak-kanak yang ditahan dan apabila ditemubual sebagai suspek.⁶⁹

Akses kepada Pemeriksaan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan

86. Pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab untuk melindungi integriti dan kesihatan semua orang dalam jagaan mereka. Tahanan hendaklah diberikan jaminan jelas hak mereka untuk mengakses seorang doktor dan hak pemeriksaan perubatan oleh seorang profesional kesihatan bebas, tanpa penangguhan, sejak bermulanya perlucutan kebebasan. Pihak berkuasa tahanan turut bertanggungjawab menyediakan akses penjagaan kesihatan kepada tahanan sepanjang tempoh tahanan.⁷⁰

65. Art. 14(3)(d) ICCPR; prinsip 17 Kumpulan Prinsip.

66. Art. 14(3)(d) ICCPR; Prinsip dan Garis Panduan Bantuan Guaman.

67. Prinsip dan Garis Panduan Bantuan Guaman, perenggan 43(d); prinsip 18.3 Kumpulan Prinsip; CCPR/C/GC/32, perenggan. 34.

68. Prinsip dan Garis Panduan Bantuan Guaman, para 43(b).

69. Art. 37(d) and 40(2)(b)(ii) of the CRC; *lihat juga* Committee on the Rights of the Child, CRC/C/GC/10, General Comment No. 10 (2007), Children’s rights in juvenile justice, 25 April 2007, perenggan. 49-50.

70. A/RES/34/169, Art. 6; prinsip 24 Kumpulan Prinsip; *lihat juga* A/RES/37/194, *Principles of Medical Ethics Relevant to the Protection of Prisoners Against Torture* (1983) (*Principles of Medical Ethics*) diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 1982.



87. Keadaan fizikal dan mental orang yang ditangkap atau ditahan ketika memasuki pusat tahanan, termasuk tanda-tanda atau aduan kekerasan melampau yang diterima ketika tangkapan dan ketika dibawa ke dalam jagaan, hendaklah direkodkan oleh doktor atau profesional perubatan lain. Satu pemeriksaan perubatan bebas, yang mematuhi Protokol Istanbul, hendaklah dilaksanakan serta-merta, jika diminta oleh tahanan, atau apabila timbul rasa syak atau petanda, bahawa mereka telah mengalami penyiksaan atau layanan buruk yang lain.⁷¹ Profesional perubatan yang menjalankan pemeriksaan seharusnya tidak terikat atau tugasnya tidak bergantung pada pihak berkuasa tahanan atau agensi penguatkuasa undang-undang. Temubual tidak boleh dijalankan sehinggalah pemeriksaan perubatan selesai.
88. Pemeriksaan perubatan hendaklah disediakan secara percuma oleh profesional perubatan yang sesuai dan terlatih, saksama dan bebas. Pihak berkuasa hendaklah memastikan gender kakitangan perubatan yang terlibat dalam pemeriksaan tersebut ialah gender yang diterima oleh orang yang diperiksa. Kakitangan perubatan hendaklah memastikan bahawa tahanan memberikan keizinan bebas dan penuh maklum pada waktu sebelum dan sepanjang pemeriksaan, ujian, atau rawatan. Langkah khusus hendaklah diambil bagi memastikan orang yang mempunyai ketidakdayaan diberi maklumat dalam cara atau bentuk yang membolehkan mereka memberi keizinan bebas dan penuh maklum.⁷²
89. Semua pemeriksaan perubatan hendaklah dijalankan jauh daripada pendengaran dan jauh daripada penglihatan kakitangan penguatkuasa undang-undang. Dalam kes luar biasa, jika terdapat permintaan untuk khidmat profesional kesihatan, pihak berkuasa boleh mempertimbangkan untuk mengaturkan keselamatan khas, misalnya seorang pegawai berada berdekatan supaya senang dihubungi atau berada dalam jarak yang boleh melihat tetapi tidak boleh mendengar. Aturan sebegini hendaklah dicatatkan dalam rekod pemeriksaan dan jagaan. Penggunaan sebarang sekatan ketika pemeriksaan perubatan hendaklah dielakkan dan sentiasa bergantung pada penilaian keselamatan individu oleh profesional perubatan.⁷³
90. Semua dapatan kesihatan, mental dan fizikal, hendaklah didokumentasikan, dan tersedia untuk tahanan dan peguamnya, dan boleh diakses jika diperlukan kemudian untuk prosiding undang-undang. Tahanan atau suspek mempunyai hak untuk mengakses rekod pemeriksaan dan rawatan perubatan. Kerahsiaan data perubatan hendaklah dipatuhi dengan ketat, dan kakitangan bukan-perubatan tidak boleh mempunyai akses kepada rekod kesihatan atau laporan kecederaan, kecuali atas dasar perlu-tahu.⁷⁴

71. Pejabat Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR), Manual Penyiasatan Berkesan dan Dokumentasi Penyiksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (Protokol Istanbul), 2004, HR/P/PT/8/Rev.1.

72. Art. 25(d) CRPD; Deklarasi Lisbon Persatuan Perubatan Sedunia mengenai Hak Pesakit (Deklarasi Lisbon), diterima pakai pada September/October 1981, dipinda pada September 1995, disemak semula pada Oktober 2005, ditegaskan semula pada April 2015; Protokol Istanbul, perenggan. 63-64.

73. Protokol Istanbul, perenggan-perenggan 6, 82.

74. Prinsip 26 Kumpulan Prinsip; Deklarasi Lisbon, perenggan. 7; Protokol Istanbul, perenggan. 65.



91. Individu yang hendak ditemubual hendaklah cukup sihat secara fizikal dan psikologi untuk tujuan tersebut. Berada dalam keadaan kesihatan yang sesuai penting untuk membantu membina kepercayaan dan hubungan baik dan pemerolehan maklumat daripada memori.⁷⁵ Menemubual seseorang yang nampak traumatik, menderita, letih, mabuk, atau mahupun dalam keadaan yang lemah, mungkin akan menyebabkan mereka trauma semula, semakin mudah dipengaruhi, memberikan maklumat yang berkualiti rendah dan memberi risiko keterangan dicabar atau ditolak dalam proses undang-undang berikutnya. Penemubual patut menengguhkan sementara temubual sekiranya orang yang ditemubual berada dalam keadaan tidak sihat, atau jika profesional perubatan menasihati bahawa tahanan tidak sesuai untuk ditemubual.

Persediaan Bagi Penemubual

92. Sebaik sahaja seseorang individu dikenal pasti sebagai orang yang hendak ditemubual oleh pihak berkuasa, penemubual yang dilantik hendaklah memulakan persediaan yang menyeluruh. Kerja permulaan ini hendaklah sentiasa berada dalam lingkup menyeluruh strategi temubual, supaya temubual tersebut diakui dalam konteks keseluruhan penyiasatan atau operasi pengumpulan maklumat.
93. Persediaan yang penuh dapat meningkatkan kemampuan penemubual untuk berkomunikasi secara berkesan dengan orang yang ditemubual, dan justeru meningkatkan kebarangkalian mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai. Usaha yang dicurahkan dalam membuat perancangan mengurangkan risiko kes dibuang akibat kesilapan tatacara atau lain-lain kesilapan yang boleh dielakkan.
94. Sebelum memulakan temubual, penting untuk memaksimumkan nilai penyiasatan dan keterangan maklumat yang telah dikumpul. Penemubual hendaklah mendapatkan dan menyemak sebanyak mungkin keterangan atau maklumat yang tersedia – seperti pernyataan saksi dan mangsa yang telah diambil, pernyataan terdahulu oleh suspek, laporan forensik, keterangan fizikal, imej elektronik dan maklumat. Penemubual hendaklah mengakses kerelevanan dan kebolehpercayaan maklumat yang tersedia dan mengenal pasti kekosongan maklumat yang perlu diisi sebelum dan semasa temubual.
95. Apabila membuat persediaan temubual – dan sepanjang proses – penemubual hendaklah berwaspada bagi mengelakkan ‘kecenderungan yang berat sebelah’. Penemubual sepatutnya aktif mencari keterangan atau penjelasan yang melangkaui anggapan atau pendapat awal mereka, termasuk yang menunjukkan ketakbersalahan. Dengan mengekalkan set minda sepanjang proses, penemubual kekal objektif sebaiknya. Sepanjang temubual tersebut, mereka patut mempertimbangkan penjelasan alternatif yang munasabah untuk diperiksa dengan teliti bagi menghilangkan keraguan mengenai perkara yang sedang diperiksa dan menetapkan syarat-syarat untuk keputusan yang baik.

75. S. O'Mara (2020) "Interrogating the Brain: Torture and the Neuroscience of Humane Interrogation" in *Interrogation and Torture*, Barela et al., eds. (nota kaki 24).



96. Setiap temubual memerlukan perancangan yang mempunyai rangka butir-butir seperti objektif, soalan spesifik yang akan ditanya, cara merekod, masa, lokasi temubual dan orang lain yang akan berada dalam bilik temubual. Temubual yang berkesan hendaklah mempunyai had masa dan memberi tumpuan terhadap objektif yang jelas.⁷⁶ Perancangan yang dibuat patut mempunyai elemen keanjalan memandangkan setiap temubual berbeza-beza dan akan ada pertukaran yang dinamik.
97. Mengetahui bagaimana dan bila hendak mengemukakan bukti dan maklumat ketika temubual ialah satu kemahiran utama bagi penemubual; ini patut menjadi sebahagian daripada persediaan menemubual. Masa yang dipilih untuk mendedahkan sesuatu yang berpotensi dijadikan bukti boleh menjadi cara berkesan untuk menentukan kebolehpercayaan kata-kata orang yang ditemubual. Jika dikemukakan terlalu awal, apa-apa maklumat yang diberikan berikutnya oleh orang yang ditemubual mungkin hanyalah pantulan semula apa yang telah diketahuinya semasa temubual atau apa yang difikirkannya patut untuk dikatakan, dan bukannya datang daripada memorinya yang sebenar.⁷⁷ Oleh yang demikian, merancang masa yang sesuai untuk mendedahkan maklumat boleh mengurangkan risiko mencemarkan memori orang yang ditemubual. Sebarang pendedahan bukti yang strategik hendaklah sejajar dengan undang-undang negara berkenaan hak suspek iaitu hak mendapatkan maklumat secukupnya mengenai tuduhan supaya boleh mencabar kesahan tangkapan atau penahanan dengan berkesan.
98. Dalam membuat persediaan, penemubual patut mempertimbangkan bagaimana hendak merekodkan apa yang dikata. Sebelum temubual, penemubual patut memaklumkan orang yang hendak ditemubual dan peguam mereka bagaimana temubual akan direkodkan dan mendapatkan keizinan bebas dan maklum daripada mereka.
99. Rakaman audio-visual membolehkan penemubual menumpukan perhatian terhadap temubual dan menjimatkan masa jika proses kehakiman berjalan nanti. Rakaman audio-visual keseluruhan temubual juga merupakan perlindungan penting daripada layanan buruk.⁷⁸ Apabila dilakukan dengan betul, ia memberikan rekod temubual yang lengkap dan asli.⁷⁹ Penggunaan teknologi ini memudahkan penyiasatan sebarang dakwaan layanan buruk, yang merupakan kepentingan bersama penemubual dan orang yang ditemubual dalam kes di mana terdapat dakwaan salah laku.

76. J.J. Cabell, S.A. Moody & Y. Yang, "Evaluating effects on guilty and innocent suspects: an effect taxonomy of interrogation techniques" *Psychology, Public Policy, and Law*, jilid 26, No. 2 (2020). D. Davis, & R.A. Leo, "Interrogation-related regulatory decline: ego depletion, failures of self-regulation, and the decision to confess", *Psychology, Public Policy, and Law*, jilid. 18, No. 4 (2012).

77. Granhag & Hartwig "The strategic use of evidence technique", (nota kaki 31).

78. Peraturan 9(c) dalam Garis Panduan Luanda; ECtHR, *Doyle v. Ireland*, Application no. 51979/17, Penghakiman, 23 May 2019, perenggan. 99; CPT, Laporan Am ke-12, CPT/Inf(2002)15, perenggan. 36; lihat juga "Fair Trials International and Hungarian Helsinki Committee, Meeting report – Experience-sharing Event on Audio-visual Recording of Interrogations in Criminal Proceedings", 9 November 2018.

79. Dalam rakaman audio-visual, kedua-dua penemubual dan orang yang ditemubual hendaklah kelihatan di dalam video. Tumpuan kepada orang yang ditemubual sahaja akan mengganggu persepsi orang yang mungkin menonton video itu nanti (cth., hakim atau juri) lihat G.D. Lassiter, L.J. Ware, M.J. Lindberg, & J.J. Ratcliff, "Videotaping custodial interrogations: toward a scientifically based policy", dalam *Police Interrogations and False Confessions*, Lassiter & Meissner, eds. (nota kaki 8).



100. Sekiranya peralatan rakaman tersedia tetapi tidak digunakan, sebab dan justifikasi spesifik hendaklah direkodkan. Sebarang penyimpangan dari dasar jabatan atau agensi mengenai rakaman juga patut didokumentasikan. Sebarang rakaman temubual hendaklah disimpan dalam tempoh yang munasabah dan sedia untuk disemak oleh orang yang layak.⁸⁰
101. Penemubual patut menentusahkan semua aspek aktiviti pra-temubual dan layanan terhadap orang yang ditemubual, termasuk rekod jagaan, supaya mereka boleh mengakses sebarang impak terhadap temubual yang boleh berlaku akibat aktiviti sebelum itu.
102. Penemubual patut memastikan semua perlindungan yang terpakai sebelum temubual telah dilaksanakan, termasuk bekerjasama dengan wakil undang-undang. Ini menyumbang dalam membina hubungan baik dengan orang yang ditemubual kerana menunjukkan rasa hormat penemubual terhadap hak asasi dan maruah orang yang ditemubual dan meningkatkan prospek mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai.
103. Penemubual bertanggungjawab mempertimbangkan keperluan orang yang ditemubual yang telah dikenal pasti terlebih dahulu oleh pegawai, serta menilai situasi kerentanan yang tinggi (termasuk keadaan emosi orang yang ditemubual) dan bersedia untuk menyelesaikannya dengan wajar. Contohnya, mereka mungkin perlu menguruskan kehadiran pihak ketiga, seperti wakil undang-undang dan orang sokongan untuk kanak-kanak atau orang yang ditemubual mempunyai ketakdayaan intelek atau psikososial.
104. Penemubual patut sentiasa mengawasi emosi mereka sendiri mengenai inti perkara dan perasaan mereka terhadap orang yang ditemubual, supaya dapat kelihatan tenang dan mempunyai kawalan diri sepanjang temubual. Jika ini mustahil untuk dilakukan, penemubual yang lain patut ditugaskan untuk mengambil alih temubual.

Semasa Temubual – Membina dan Mengekalkan Hubungan Baik

105. Penemubual yang berkesan boleh menyesuaikan diri, mendengar dengan berhati-hati, berkomunikasi dengan empati, dan menggunakan etos bahawa menyoal dengan wajar, tanpa paksaan, berperikemanusiaan, beretika dan mematuhi undang-undang dapat memelihara kepentingan semua yang terlibat: penemubual, orang yang ditemubual dan pihak berkuasa pengumpulan maklumat. Mereka sedar bahawa peranan penemubual ialah untuk mendapatkan maklumat sebaik mungkin supaya dapat membuat keputusan. Hanya mahkamah yang boleh menentukan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak.
106. Membina hubungan baik penting dalam menyokong pengumpulan maklumat yang berkesan. Semasa temubual, hubungan baik melibatkan proses membina dan mengekalkan satu hubungan yang dicirikan oleh: rasa hormat dan percaya; corak pemikiran yang tidak menghakimi; bahasa tubuh yang tidak agresif; memberikan perhatian penuh; dan sabar. Ini mengurangkan kesan ketidakseimbangan kuasa yang wujud dalam proses temubual.

80. Prinsip 23 Kumpulan Prinsip.



107. Penemubual patut mengambil masa untuk melakukan interaksi bermakna dengan orang yang ditemubual dan memberitahu semula maklumat tentang hak dan tatacara temubual dengan jelas; jika perlu, ini termasuklah bantuan seorang jurubahasa dan mana-mana pihak ketiga bagi membantu komunikasi. Jika orang yang ditemubual nampak tidak pasti dengan hak mereka, penemubual patut menjelaskan semula kepada mereka dan dapat memastikan bahawa ia telah difahami. Bagi suspek dalam kes jenayah, penemubual patut mengingatkan individu tersebut bahawa mereka berhak berdiam diri dan penjelasan mereka boleh digunakan dalam keterangan terhadap mereka.
108. Seorang peguam yang hadir ketika temubual bertindak sebagai sumber undang-undang, saksi kepada keadilan proses tersebut, dan perlindungan terhadap salah faham, salah nyata dan sebarang percubaan untuk menjalankan temubual tersebut dengan cara yang tidak mengikut undang-undang. Fungsi ini dapat meningkatkan nilai pembuktian maklumat yang dikumpulkan sepanjang temubual.
109. Penemubual yang berkesan patut membina hubungan kerja yang penuh hormat dan profesional dengan peguam tersebut. Peguam yang hadir berhak bertanya soalan, meminta klarifikasi, mempertikaikan bukti yang dikemukakan, mencabar soalan yang berat sebelah atau tingkah laku penemubual yang kasar, dan secara umumnya sentiasa berjaga-jaga demi hak anak guam mereka.
110. Jika orang yang ditemubual meminta kehadiran seorang peguam, walaupun mereka telah mengenyepikan hak tersebut sebelum itu, temubual akan ditangguhkan sehinggalah seorang peguam hadir.
111. Penemubual patut sentiasa memberikan perhatian penuh kepada keadaan mental dan fizikal orang yang ditemubual sepanjang temubual. Mereka patut diberikan tempoh rehat yang secukupnya tanpa gangguan, serta makanan dan minuman yang secukupnya.
112. Menerapkan jangkaan pada permulaan temubual akan menjadikan proses temubual lebih berkesan. Contohnya, penemubual patut menggalakkan orang yang ditemubual memaklumkan jika mereka tidak faham sesuatu atau jika mereka rasa telah disalahfaham. Orang yang ditemubual patut digalakkan untuk memberikan sebanyak mungkin butir-butir yang relevan, mengambil sebanyak mungkin masa yang diperlukan sebelum menjawab, bertanya soalan dan memberitahu sekiranya mereka memerlukan apa-apa.

Teknik-teknik Mengumpulkan Maklumat

113. Pendengaran aktif membantu penemubual memproses maklumat yang diberikan oleh orang yang ditemubual. Melalui pendengaran aktif, penemubual menunjukkan yang mereka mengikuti percakapan orang yang ditemubual dan berusaha untuk memahaminya. Penemubual mengambil langkah berhati-hati supaya tidak memimpin orang yang ditemubual secara tidak sengaja dengan menggunakan isyarat secara lisan atau visual, termasuk bunyi, gerak isyarat atau pertanyaan, yang boleh diinterpretasikan sebagai bersetuju atau tidak bersetuju dengan apa yang diperkatakan.



114. Orang yang ditemubual patut digalakkan supaya menjelaskan dengan perkataan mereka sendiri tentang penglibatan, pengetahuan atau ingatan mereka terhadap perkara yang sedang diteliti, dan patut dibenarkan untuk memberikan jawapan penuh. Kemudian bolehlah maklumat itu diperiksa untuk mendapatkan butiran selanjutnya bagi mengisi lompong atau menjelaskan percanggahan.
115. Secara umumnya penemubual tidak patut mencelah atau memintas fikiran orang yang ditemubual dan sentiasa memberikan perhatian terhadap maklumat yang disediakan supaya boleh mengesan butir-butir penting dan mengenal pasti topik yang spesifik yang memerlukan tindakan susulan. Di samping tidak mengganggu percakapan, penemubual patut mendiamkan diri pada waktu yang sesuai. Apabila berdiam, penemubual memberikan isyarat bahawa tidak mengapa jika orang yang ditemubual mengambil masa untuk berhenti sejenak dan berfikir, dan penemubual sanggup menunggu untuk mendapatkan lebih banyak butiran.
116. Jenis pertanyaan yang digunakan dalam sesebuah temubual menyumbang kepada pencapaian objektif dan hasil keseluruhan yang diinginkan. Sasarannya ialah untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang diberikan secara sukarela dan tidak tercemar. Setiap soalan harus mempunyai tujuannya dan ditanya dalam cara yang tidak menghakimi. Bahasa yang digunakan hendaklah jelas dan terma-terma atau jargon atau akronim yang teknikal hendaklah dielakkan.
117. Pertanyaan yang terbuka, seperti 'jelaskan kepada saya,' 'beritahu saya' atau 'tolong jelaskan,' mengurangkan risiko mengganggu memori orang yang ditemubual; berkemungkinan besar lebih banyak butir-butir dan jawapan yang lebih berisi dapat diberikan, yang berkemungkinan besar bukannya dipengaruhi oleh penemubual.
118. Soalan-soalan bersifat mencungkil, seperti 'siapa,' 'apa' dan 'di mana', mungkin perlu untuk mendapatkan lebih banyak butir-butir sebaik sahaja orang yang ditemubual menjawab soalan terbuka. Ia membantu mendapatkan maklumat tambahan yang relevan dan mengenal pasti lompong yang spesifik dan tidak konsisten yang memerlukan pemeriksaan teliti lanjutan. Orang yang ditemubual mungkin akan mendedahkan sesuatu yang baru.
119. Penggunaan maklumat yang strategik boleh membantu membimbing penemubual bagi memastikan maklumat yang dicungkil relevan terhadap tujuan temubual.
120. Rumusan tepat apa yang telah dikatakan oleh orang yang ditemubual boleh memberikan kemajuan yang positif terhadap temubual dan membantu penemubual dan orang yang ditemubual mengingat semula butir-butir penting. Walau bagaimanapun, rumusan yang tidak disusun dengan baik boleh mencemarkan kenyataan orang yang ditemubual dan menyebabkan jangkaan yang berat sebelah atau ketidaktepatan. Orang yang ditemubual juga boleh menganggap rumusan yang tidak tepat sebagai tanda bahawa penemubual tidak mendengar atau cuba memanipulasikan pernyataan mereka.



Menghadapi Keengganan

121. Penemubual mungkin berhadapan dengan orang yang keberatan untuk bercakap dan oleh itu patut sudah bersedia lebih awal bagi menangani situasi sedemikian. Tidak mahu atau tidak bersetuju untuk menjawab soalan mungkin merupakan pilihan yang disengajakan. Sebagai contohnya, suspek kes jenayah berhak untuk berdiam diri dan ada yang akan menggunakan hak ini. Keputusan ini hendaklah selalu dihormati dan tiada kaitan dengan hak anggapan ketakbersalahan orang yang ditemubual.
122. Antara sebab orang yang ditemubual mungkin keberatan untuk bercakap termasuk kebimbangan dan ketidakpastian tentang proses, terutama jika orang itu tidak pernah berhadapan dengan situasi sebegini. Ketakutan juga boleh memainkan peranan; misalnya takut kepada polis atau pegawai kerajaan yang lain, atau takut ada akibat kepada mereka sendiri atau orang lain jika diketahui yang mereka bercakap dengan pihak berkuasa. Orang yang ditemubual juga mungkin terkesan secara psikologi dengan apa yang telah mereka saksikan, dengar atau alami. Keberatan untuk bercakap juga mungkin disebabkan reaksi peribadi mereka terhadap penemubual atau jurubahasa.
123. Tidak mustahil orang yang ditemubual sanggup memberikan maklumat tetapi tidak dapat berbuat demikian. Pertama-tamanya mungkin kerana mereka tidak mempunyai maklumat yang relevan, atau gagal mengenal pasti butiran. Mungkin kerana masa telah lama berlalu atau pengalaman yang dihadapi membuatkan mereka lupa butir-butir asal atau membuatkan mereka tidak berupaya mendapatkan kembali ingatan tersebut daripada memori.
124. Penemubual akan meningkatkan kebarangkalian temubual yang berkesan dengan menunjukkan kesedaran penuh hormat mengapa orang keberatan untuk bercakap, dengan memberi penjelasan bahawa sebarang maklumat yang diberikan akan dianggap sulit dan terhad kepada pihak yang dibenarkan undang-undang sahaja, dan menghormati sebarang keengganan berterusan untuk bercakap. Penemubual tidak patut membuat kesimpulan yang negatif daripada kegagalan atau keengganan orang yang ditemubual untuk menjawab soalan dan patut mengekalkan sikap tidak menghakimi apabila seseorang yang ditemubual mungkin akan membuat pengakuan terhadap jenayah atau memberikan maklumat yang memalukan.

Menangguhkan temubual

125. Penemubual wajar dan dibenarkan menangguhkan temubual supaya boleh mengambil tindakan susulan terhadap maklumat yang diterima atau menjalankan siasatan tambahan. Begitu juga, peguam atau orang yang ditemubual boleh meminta waktu rehat, contohnya untuk berehat atau berunding secara sulit. Enggan membenarkan permintaan sedemikian boleh memberi kesan kepada kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul ketika temubual.
126. Jika orang yang ditemubual memerlukan rawatan, penemubual hendaklah menangguhkan temubual serta-merta dan memastikan perhatian segera diberikan.



127. Penting bagi memastikan seseorang tidak disoal sebagai saksi semata-mata untuk mengelak daripada keperluan syarat perundangan semasa menyoal suspek.⁸¹ Jika seseorang yang pada asalnya disoal sebagai saksi bertukar menjadi suspek ketika temubual dijalankan, penemubual patut menghentikan temubual serta-merta dan memberikan amaran jelas kepada orang yang ditemubual tentang penukaran status mereka kepada suspek. Penemubual patut memaklumkan orang yang ditemubual hak mereka sebagai suspek dan memberikan masa dan sumber yang perlu bagi mereka memahami hak-hak tersebut.

Mengakhiri Temubual – Penilaian dan Analisis

128. Penemubual yang berkesan patut sentiasa mengakhiri temubual dengan penuh hormat dan profesional. Ini meningkatkan peluang untuk berkomunikasi lagi pada masa hadapan, mengelakkan salah faham yang mungkin berlaku dan boleh meningkatkan kepercayaan terhadap institusi awam.
129. Penemubual patut menyemak maklumat yang diperolehi dengan orang yang ditemubual (dan peguam, jika terlibat) dan, sekiranya terdapat laporan bertulis (jika tidak menggunakan rakaman audio/visual), meminta mereka menandatangani sebagai pengesahan ketepatan kandungan laporan itu. Sebarang pindaan hendaklah direkodkan, dan jika relevan, sebarang keengganan orang yang ditemubual untuk menandatangani rekod temubual juga direkodkan.⁸² Sesalinan rekod bertulis hendaklah diberikan kepada orang yang ditemubual dan peguam (jika terlibat).⁸³ Penemubual patut memberikan orang yang ditemubual maklumat yang sesuai tentang peringkat proses yang seterusnya.
130. Sebaik sahaja temubual tamat, penemubual memastikan maklumat yang diberikan ketika proses tersebut adalah tertakluk kepada privasi dan perlindungan data yang wajar. Ini mungkin termasuk memastikan maklumat tersebut tidak disampaikan kepada orang ramai atau institusi yang mungkin akan membahayakan hak orang yang ditemubual.
131. Penilaian dan analisis merupakan bahagian penting proses temubual yang berjaya. Masa yang diluangkan untuk tujuan ini mungkin berbeza-beza mengikut keseriusan perkara, namun ia tidak patut dipercepatkan dengan terburu-buru. Orang yang ditemubual patut menilai dan menganalisis:
- Nilai dan kebolehpercayaan maklumat yang diperolehi dan bagaimana ia sepadan dengan bukti yang sudah diperolehi, kelompangan maklumat dan risikan lain yang dikumpul.
 - Siasatan lanjutan apa yang diperlukan untuk memajukan penyiasatan atau operasi.
 - Sama ada semua perlindungan yang relevan telah digunapakai dengan berkesan.

81. A/71/298 (nota kaki 3).

82. Lihat, *mis.*, Peraturan 9(e)(v) Garis Panduan Luanda; CPT, Laporan Am ke-2, CPT/Inf(92)3, perenggan. 39.

83. Prinsip 23(2) Kumpulan Prinsip.



◀ Prinsip 3 ▶ Kerentanan

Temubual yang berkesan perlu mengenal pasti dan menangani keperluan orang yang ditemubual dalam situasi kerentanan.



Temubual sebagai Situasi Kerentanan

132. Boleh dikatakan semua orang yang ditemubual mendapati diri mereka berada dalam situasi kerentanan. Ini adalah kerana interaksi sedemikian dengan pihak berkuasa menggambarkan ketidakseimbangan kuasa yang wujud. Ketidakseimbangan kuasa lebih meruncing apabila seseorang yang ditemubual ditahan dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menikmati dan menggunakan hak asasi mereka.
133. Penemubual harus sedar tentang kesan yang mungkin terjadi akibat ketidakseimbangan kuasa dan mengambil langkah untuk mengurangkannya, demi menjamin perlindungan semua orang yang ditemubual di bawah undang-undang sambil memaksimumkan nilai maklumat yang dikumpul. Ketidakseimbangan kuasa mungkin menyebabkan perasaan tak tentu kepada orang yang ditemubual, dari keresahan ringan sehinggalah ketakutan melampau. Reaksi sedemikian boleh memberi kesan kepada tindak balas fizikal, kognitif dan emosi seseorang terhadap pertanyaan. Ia akan menghalang pemahaman orang yang ditemubual terhadap soalan yang ditanya dan implikasi yang mungkin terhadap jawapan mereka. Ia juga mungkin akan memberi kesan terhadap keupayaan orang yang ditemubual untuk membuat keputusan termaklum demi kepentingan terbaik bagi mereka sendiri atau memberikan maklumat yang terperinci dan tepat. Paling teruk, tekanan memuncak yang dirasakan oleh sesetengah orang yang ditemubual boleh melemahkan daya ingatan dan menghasilkan maklumat palsu.
134. Dengan menuruti panduan dalam Prinsip-prinsip ini boleh membantu meyakinkan semula orang yang ditemubual dan akan menyumbang kepada persekitaran yang tidak memaksa. Ia akan memainkan peranan yang sangat penting dalam menghalang penyalahgunaan kuasa oleh penemubual, yang menjejaskan integriti proses temubual, serta mengurangkan amalan berisiko tinggi iaitu 'temubual tak rasmi' yang membawa risiko layanan buruk yang besar.



Individu dalam Situasi Kerentanan Tinggi

135. Sesetengah orang yang ditemubual akan mengalami situasi kerentanan tinggi apabila temubual itu bertembung dengan faktor-faktor risiko tertentu yang lain. Dalam keadaan sedemikian, orang yang ditemubual akan mempunyai keperluan dan hak tambahan yang memerlukan perhatian daripada pihak berkuasa.⁸⁴ Faktor risiko tersebut termasuklah, sebagai contohnya:
- Umur, jantina, identiti atau ekspresi gender, atau orientasi seksual
 - Kewarganegaraan atau etnik
 - Latar belakang agama atau budaya
 - Ketakdayaan fizikal, intelek, atau psikologi
 - Kesukaran berkomunikasi
 - Kesukaran memahami (termasuk halangan bahasa)
 - Ketidakmampuan untuk membaca dan/atau menulis
 - Keadaan berkait-umur seperti demensia
 - Tergolong dalam kumpulan minoriti atau kumpulan sosio-ekonomi terpinggir
136. Menerima “kerentanan” sebagai sebuah konsep yang dinamik dan berkembang, ciri-ciri keadaan yang lain yang mungkin meningkatkan kerentanan termasuklah:
- Status kesihatan seperti kecederaan, penyakit, kemurungan, keresahan, mabuk, kecelaruan stres pasca-trauma, atau lain-lain keadaan yang melemahkan atau mengubahnya.
 - Pengalaman traumatik yang lampau, termasuk menjadi sebahagian daripada atau menyaksikan penyalahgunaan atau pelanggaran hak asasi manusia.
 - Status imigrasi seperti pencari suaka atau pelarian, pekerja migran yang tidak diiktiraf, migran tanpa izin atau mangsa pemerdagangan manusia.
 - Sedang mengandung atau menyusukan atau menjadi penjaga utama dan tidak berpeluang menguruskan penjagaan alternatif.
 - Sifat kesalahan itu sendiri seperti pedofilia, kesalahan politik, atau tindakan keganasan.⁸⁵
137. Risiko boleh berubah-ubah bergantung pada faktor seperti konteks, budaya dan masa. Ciri yang menonjolkan kerentanan tinggi mungkin bersifat kekal, atau sementara. Dalam sesetengah kes, kerentanan tinggi seseorang mungkin nampak ketara atau sudah terekod;

84. Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), A/RES/34/180 18 Disember 1979; Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD), resolusi Perhimpunan Agung 2106 (XX) pada 21 Disember 1965; Konvensyen Hak Asasi Orang Kurang Upaya (CPRD), A/RES/61/106, 24 Januari 2007; Konvensyen Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Anggota Keluarga Mereka, A/RES/45/158, 18 Disember 1990; lihat juga Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal, A/RES/61/295, 2 Oktober 2007; Peraturan Bangkok, Kaedah-Kaedah Standard Minimum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pentadbiran Keadilan Juvana (Kaedah-Kaedah Beijing), A/RES/40/33, 29 November 1985; Peraturan Havana; Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), Prinsip-prinsip Yogyakarta – Prinsip-prinsip pemakaian undang-undang hak asasi manusia berkaitan dengan orientasi seksual dan identiti gender, Mac 2007.

85. Lihat, mis., A/68/295, Laporan Interim Pelapor Khas mengenai Penyeksaan, 9 Ogos 2013, perenggan. 67-72.



- dalam kes lain, ia mungkin belum dikenal pasti atau belum ketara. Begitu juga, ia boleh terjadi hasil dari beberapa faktor bersilang yang menimbulkan pengalaman dan realiti yang unik, serta kerentanan tinggi terhadap diskriminasi dan layanan buruk.
138. Disebabkan usia mereka, kanak-kanak selalu berada dalam situasi kerentanan tinggi ketika temubual, yang memerlukan langkah-langkah khas diambil untuk memastikan perlindungan yang secukupnya. Justeru penemubual yang telah menjalani latihan kepakaran, lebih sesuai untuk menemubual kanak-kanak. Pertimbangan yang patut diberikan ialah bagaimana cara terbaik untuk berkomunikasi dan membina hubungan baik dengan kanak-kanak tersebut dan di mana dan bila temubual tersebut patut dijalankan. Temubual dengan mangsa dan saksi bawah umur patut dikendalikan oleh penemubual yang telah menjalani latihan kepakaran.
 139. Apabila seseorang kanak-kanak disyaki, mereka tidak boleh sesekali disoal atau diminta untuk membuat sebarang pernyataan atau menandatangani sebarang dokumen yang berkaitan dengan kesalahan yang disyaki tanpa kehadiran dan bantuan seorang peguam, dan, secara prinsipnya, seorang dewasa yang dipercayai oleh kanak-kanak tersebut bertindak sebagai perantara.⁸⁶ Kanak-kanak tidak boleh mengeneipkan hak mereka untuk diwakili peguam.⁸⁷
 140. Penemubual patut sedar bahawa sesetengah tingkah laku boleh meningkatkan kerentanan seseorang dan memastikan mereka tidak menjejaskan respons orang yang ditemubual. Ini termasuklah:
 - a. Mudah dipengaruhi, di mana orang yang ditemubual, terutamanya kanak-kanak dan orang yang mempunyai ketakdayaan psikososial atau intelek, mudah goyah dan mudah rentan apabila ditanya soalan memimpin atau mengelirukan atau tertakluk kepada tekanan mengandungi pertanyaan dan penipuan, yang mungkin membawa kepada maklumat salah atau tidak boleh dipercayai.
 - b. Keakuran, iaitu kecenderungan untuk menjawab 'ya' tanpa berfikir, selalunya supaya temubual berakhir secepat yang boleh.
 - c. Pematuhan, iaitu apabila orang yang ditemubual bercakap perkara yang difikirkan mahu didengar oleh penemubual supaya mendapat respons yang positif dan mengelak ketaksetujuan atau layanan buruk.
 141. Individu mungkin berada dalam situasi kerentanan disebabkan prejudis institusi, diskriminasi, atau kurang kesedaran, latihan atau kemudahan yang sesuai. Kegagalan ini boleh memberi kesan terhadap struktur dan dasar institusi, dan/atau pertimbangan dan tindakan individu.

86. Lihat, *mis.*, Pejabat Serantau Asia Tengah dan Eropah UNICEF, Garis Panduan Bantuan Guaman yang Mesra Kanak-kanak (*Guidelines on Child-Friendly Legal Aid*), Oktober 2018; *Committee of Ministers of the Council of Europe, Guidelines of the Committee of Ministers of the Council of Europe on child-friendly justice*, 17 November 2010, perenggan. 12, 88.

87. Art. 37(d) dan 40(2)(b)(ii) CRC; lihat juga CRC/C/GC/10, perenggan. 49-50.



Menilai dan Menangani Situasi Kerentanan Tinggi

142. Pihak berkuasa patut melaksanakan perlindungan yang dipertingkatkan dan langkah yang direka khas untuk menangani keperluan tertentu dan hak seseorang dalam situasi kerentanan tinggi, khususnya yang berkaitan dengan hal tanpa-diskriminasi dan perlindungan daripada paksaan menginkriminasi diri sendiri. Ini mungkin memerlukan pemakaian perlindungan undang-undang dan tatacara yang berbeza.
143. Sebelum menjalankan temubual, pihak berkuasa patut menilai sama ada orang yang ditemubual mungkin berada dalam keadaan rentan, dan sama ada mereka memerlukan perhatian khas. Jenis tindakan yang diambil memerlukan tindak balas yang fleksibel dan yang telah disesuaikan. Penemubual dan pihak berkuasa relevan yang lain patut mempertimbangkan dan menentukannya mengikut kes, sama ada patut memanggil penemubual lain seperti seseorang daripada gender lain atau mempunyai latihan khusus, atau berunding dengan pakar tertentu. Sesetengah langkah patut dinyatakan dalam undang-undang, manakala yang lain bergantung pada pertimbangan penemubual.
144. Apabila menilai dan menangani keperluan orang yang ditemubual, penemubual patut meminimumkan soalan dan perbincangan mengenai kejadian tersebut. Ini membantu mengelakkan daripada mencemarkan atau mengubahsuai memori orang yang ditemubual sebelum menyoal secara rasmi.
145. Kerentanan tidak semestinya menghalang orang yang ditemubual daripada memberikan maklumat yang boleh dipercayai; ini selalunya boleh dicapai dengan bantuan sokongan. Contohnya, orang yang ditemubual yang mempunyai kesukaran mendengar atau pertuturan mungkin memerlukan jurubahasa yang mahir atau individu sokongan. Berunding dengan orang yang kenal baik dengan orang yang ditemubual, seperti ahli keluarga atau pekerja sosial boleh memudahkan interaksi penemubual dengan orang yang ditemubual.
146. Rekod bertulis yang lengkap tentang sebarang penilaian kerentanan, bersama dengan langkah-langkah yang diambil oleh penemubual untuk membantu orang yang ditemubual, membentuk perlindungan yang penting. Rakaman sebegini membantu mengenalpasti langkah-langkah yang diperlukan untuk membolehkan komunikasi yang berkesan, penggunaan proses pengumpulan maklumat dan keselamatan orang yang ditemubual. Dalam kes suspek, penemubual hendaklah memaklumkan wakil undang-undang orang yang ditemubual mengenai sebarang kerentanan yang dikenal pasti dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyesuaikan dengan keperluan orang yang ditemubual.
147. Penemubual yang bertanggungjawab untuk menyoal orang yang ditemubual dalam situasi kerentanan tinggi patut, jika boleh, menerima latihan khusus atau dibantu oleh pakar yang sesuai. Dalam kes kanak-kanak, proses temubual hendaklah tertakluk kepada tatacara pakar dan dijalankan oleh penemubual yang dilatih khas.
148. Penemubual patut mengambil langkah munasabah bagi memastikan lokasi dan persekitaran temubual itu sendiri tidak menyebabkan orang yang ditemubual berasa tertekan dalam situasi kerentanan tinggi.



◀ Prinsip 4 ▶ Latihan

Temubual yang berkesan merupakan kerja profesional yang memerlukan latihan yang spesifik.



149. Semua kakitangan yang menjalankan temubual, termasuk polis dan pegawai penguatkuasa undang-undang yang lain, serta kakitangan risikan dan tentera, patut menjalani latihan khas temubual yang berkesan – sejajar dengan prinsip-prinsip yang dirangka dalam dokumen ini. Ini akan mempersiapkan mereka dalam memahami, membuat persediaan dan menjalankan temubual menurut undang-undang negara dan antarabangsa, peraturan institusi, dan standard profesional tertinggi.
150. Teknik temubual yang berkesan patut diajar di agensi-agensi bagi menggalakkan perubahan institusi ke arah dasar dan kaedah yang berasaskan pendekatan terbuka dan bertujuan untuk mengumpulkan maklumat tepat dan boleh dipercayai dari semua kategori orang yang ditemubual.
151. Penetapan standard yang tinggi patut dijayakan dengan perekrutan yang ketat dan kompetitif pegawai-pegawai berdasarkan kriteria pemilihan dan proses yang menghasilkan kepelbagaian kakitangan berkemahiran bagi menemubual.

Latihan Spesifik

152. Latihan yang spesifik akan memastikan ketekalan cara penemubual membuat persediaan dan struktur temubual. Latihan hendaklah juga mengajar metodologi amali menggunakan penyelidikan yang relevan bagi menunjukkan bahawa teknik-teknik menemubual yang tertentu boleh memudahkan perolehan keterangan yang tepat dan boleh dipercayai dan meminimalkan risiko mendapat maklumat salah.
153. Kandungan latihan temubual yang berkesan haruslah termasuk membuktikan kepentingan temubual sebagai sebahagian daripada proses penyiasatan atau pengumpulan maklumat yang lebih luas, dan pastinya adalah sebahagian daripada proses keadilan yang lebih luas, tanpa mengira bidang kuasa. Penekanan terhadap keberkesanan temubual dan perlindungan



yang relevan ialah kunci bagi memastikan Kerajaan mematuhi tanggungjawabnya terhadap hak asasi individu, dan menghalang penyeksaan atau layanan buruk.⁸⁸

154. Elemen penting latihan temubual berkesan termasuklah bagaimana untuk:
 - a. Kekal bersikap terbuka dan mengelakkan prejudis
 - b. Merancang dan bersedia secara strategik
 - c. Membina dan mengekalkan hubungan baik
 - d. Mengenal pasti dan bertindakbalas terhadap keperluan tertentu orang yang ditemubual
 - e. Mematuhi undang-undang hak asasi manusia antarabangsa
 - f. Memastikan perlindungan terpakai sepanjang proses temubual
 - g. Menggunakan teknik-teknik menyoal yang disokong secara saintifik
 - h. Menggunakan kemahiran pendengaran aktif dan membenarkan orang yang ditemubual menjawab soalan dengan lengkap
 - i. Berinteraksi dengan orang yang keberatan ditemubual
 - j. Berinteraksi dengan peguam orang yang ditemubual
 - k. Memulakan dan mengakhiri temubual secara profesional
 - l. Membuat analisis terhadap maklumat yang dikumpul
 - m. Menilai proses temubual dengan niat untuk meningkatkan kemahiran
155. Latihan menemubual patut dibuat dalam tempoh yang mencukupi untuk menanam asas teori yang perlu dan pengetahuan amali, dan merangkumi sesi latihan yang banyak menggunakan senario operasi yang realistik, dengan maklum balas daripada pihak atasan dan rakan sejawat.
156. Penyertaan orang-orang yang pernah ditemubual dan profesional lain (seperti kakitangan perubatan, jurubahasa, dan orang sokongan) dalam sesi berasaskan senario boleh mengayak pengalaman latihan.
157. Latihan tambahan patut diberikan kepada penemubual, perantara dan jurubahasa yang terlibat dengan proses menemubual orang dalam situasi kerentanan tinggi, seperti kanak-kanak dan orang yang mempunyai ketakdayaan psikososial. Latihan sedemikian patut menyediakan panduan dalam mengawasi kesejahteraan psikologikal orang yang ditemubual, dan jika perlu, menghentikan temubual dan mendapatkan bantuan daripada profesional terlatih yang layak.⁸⁹
158. Kakitangan yang menguruskan dan menyelia penemubual juga patut menjalani latihan, supaya mereka bukan sahaja meningkatkan kemahiran menemubual tetapi juga belajar bagaimana untuk menilai kualiti keseluruhan sesebuah temubual, untuk memberikan maklum balas dan sokongan yang sewajarnya kepada penemubual.

88. Art. 10 UNCAT.

89. Art. 13 CRPD; Peraturan 12 Peraturan Beijing; *lihat juga* Garis Panduan Keadilan dalam Perkara yang Melibatkan Mangsa Kanak-kanak dan Saksi Jenayah, Resolusi ECOSOC 2005/20, 22 Julai 2005.



159. Individu lain yang relevan seperti hakim, pendakwa, pegawai jagaan, dan peguam bela juga patut diberikan taklimat tentang temubual yang berkesan. Ini membantu pemahaman bersama tentang peranan dan cabaran masing-masing, dan memudahkan pemantauan atau penilaian luaran jika terdapat aduan.
160. Penggunaan teknologi dalam latihan boleh membantu meningkatkan kualiti temubual pada masa depan dan menghasilkan data bernilai bagi penyelidikan selanjutnya. Ini termasuklah menggunakan peralatan audio-visual bagi merakam sesi latihan dan menggunakan temubual yang telah dirakam secara elektronik sebagai contoh untuk sesi berdasarkan senario.
161. Kerjasama dalam latihan patut digalakkan antara agensi-agensi penguatkuasa undang-undang, personel tentera dan risikan, badan pemerhati, akademi dan sekutu antarabangsa. Penyelidik akademik dan bebas patut digalakkan memberikan akses dan membuka kajian mereka yang relevan kepada umum.
162. Program latihan patut sentiasa dikemaskini bagi mencerminkan evolusi standard hak asasi manusia antarabangsa dan penyelidikan saintifik. Sentiasa menggunakan penyelidikan yang berkembang dan teknik yang diakui dalam amalan juga boleh memperkukuhkan program latihan.⁹⁰

Pembangunan Profesional Berterusan

163. Pengetahuan dan kemahiran temubual perlu dikekalkan sepanjang masa. Menerapkan temubual yang berkesan dalam program-program pembangunan profesional berterusan akan membantu memastikan komitmen institusi bagi temubual beretika dan berkesan.
164. Elemen-elemen yang amat penting bagi pembangunan profesional yang berkesan merangkumi komitmen daripada kepimpinan, latihan pengukuhan secara berkala dan latihan ulang kaji untuk memperhalusi teknik, memperbetulkan kesilapan dan mengemukakan hasil penyelidikan relevan yang terkini kepada penemubual.
165. Program pembangunan profesional berterusan membolehkan agensi-agensi, terutamanya penyelia, mengawasi dan mengukur prestasi temubual dengan lebih baik, mengenal pasti keperluan latihan selanjutnya, meningkatkan penggunaan teknologi yang sedang berkembang dan mengemaskini pengetahuan dalam penyelidikan.

90. Art. 11 UNCAT.



◀ Prinsip 5 ▶ Kebertanggungjawaban

Temubual yang berkesan memerlukan institusi yang telus dan bertanggungjawab.



Tatacara Institusi dan Kajian Semula

166. Tatacara operasi standard, tatakelakuan atau arahan jabatan lain daripada pihak berkuasa menyumbang kepada amalan temubual yang berkesan dan mendorong perubahan dalam budaya institusi.
167. Selaras dengan Artikel 11 Konvensyen PBB menentang Penyeksaan, pihak berkuasa hendaklah membuat kajian semula yang sistematik, menyeluruh dan luas terhadap peraturan, arahan, kaedah dan amalan yang sedia ada yang berkaitan dengan temubual.⁹¹ Berdasarkan penilaian ini, pihak berkuasa siasatan patut mengadaptasi dan menghebahkan tatacara operasi standard, dasar dan tatakelakuan bagi menetapkan standard yang boleh dikuatkuasakan bagi agen yang mengendalikan temubual. Norma sedemikian hendaklah konsisten dengan standard yang diakui di peringkat antarabangsa mengenai perlakuan kakitangan penguatkuasa undang-undang dan pegawai lain yang bertanggungjawab mengendalikan temubual.
168. Semakan berkala dan dikendalikan oleh pihak berkuasa juga patut menilai tahap sumber kewangan yang digunakan untuk temubual, termasuk penggunaan teknologi yang sesuai. Semakan berkala boleh memastikan supaya standard yang dipersetujui di peringkat kebangsaan digunapakai dan dipatuhi, disokong oleh kitar penambahbaikan.
169. Semakan boleh memanfaatkan pengetahuan dan bantuan penyelidik bebas, pengamal yang mahir dan organisasi yang berpengalaman dan komited untuk menghasilkan temubual yang berkesan.
170. Ketelusan dan kebertanggungjawaban patut terpakai pada semua peringkat pihak berkuasa, termasuk peringkat individu, penyeliaan dan organisasi.

91. Art. 11 UNCAT; lihat juga A/HRC/RES/31/31, perenggan. 11-12; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 10.



171. Ketelusan penting bagi mengekalkan keyakinan orang awam terhadap integriti institusi dan pentadbiran keadilan secara keseluruhan. Pihak berkuasa patut membenarkan peraturan dan tatacara dalaman mereka yang berkaitan dengan temubual diakses.
172. Hak mengakses maklumat hendaklah dijamin kepada orang yang ditemubual, keluarga dan peguam mereka, serta perkhidmatan undang-undang dan mekanisme pemerhatian lain.⁹²
173. Semua maklumat peribadi yang dikumpulkan daripada temubual hendaklah dilindungi daripada digunakan secara tidak wajar sejajar dengan prinsip kerahsiaan dan privasi, begitu juga undang-undang dan peraturan perlindungan data.⁹³

Penyimpanan Rekod yang Berkesan

174. Perekodan maklumat yang berkesan merupakan prasyarat ketelusan dan kebertanggungjawapan. Penyimpanan rekod yang baik juga boleh membantu pengesanan awal risiko, perancangan prestasi, peruntukan sumber, proses audit dan penyelidikan.
175. Apabila seseorang ditahan, rekod jagaan individu, sebaik-baiknya dalam bentuk elektronik, dibuka secepat yang boleh dilaksanakan.⁹⁴
176. Satu rekod yang tepat hendaklah dibuat terhadap semua temubual, sebaik-baiknya menggunakan teknologi audio-visual. Walaupun implementasi rakaman audio-visual mungkin terpaksa dilakukan secara berperingkat, namun terdapat faedah nyata dan penjimatan berkaitan dengan rekod yang boleh dipercayai.
177. Rakaman audio-visual akan memudahkan penyiasatan sebarang dakwaan layanan buruk ketika temubual. Ini demi kepentingan kedua-dua pihak yang mendakwa telah dilayan dengan buruk dan penemubual yang didakwa melakukan layanan buruk tersebut.

Mencegah dan Melapor

178. Rasa hormat dan komitmen terhadap temubual yang berkesan serta perlindungan yang berkaitan patut ditunjukkan dalam peraturan dalaman, tatakelakuan dan penilaian prestasi pihak berkuasa yang relevan.
179. Semua agensi yang mengendalikan temubual patut mempunyai unit-unit aduan dan siasatan dalaman yang dikawalselia sendiri dengan rangkaian perintah dalaman yang jelas, laporan yang tidak berat sebelah, perlindungan daripada tindak balas, dan tatacara

92. Art. 18 Konvensyen Penghilangan Paksa; Art. 20 dalam Protokol Pilihan kepada Konvensyen menentang Penyeksaan (*Optional Protocol to the Convention against Torture*) (OPCAT), A/RES/57/199, 18 Disember 2002.

93. Art. 20 Konvensyen Penghilangan Paksa; Art. 21 OPCAT.

94. Art. 17(3) Konvensyen Penghilangan Paksa; prinsip 12 Kumpulan Prinsip; lihat juga Peraturan 9(c) Garis Panduan Luanda; ECtHR, *Doyle v. Ireland*, perenggan. 99.



- tertentu untuk membetulkan, mendisiplin atau membawa kepada siasatan jenayah sebarang pelanggaran atau penyalahgunaan yang dilakukan.⁹⁵
180. Ketakpatuhan peraturan dalaman mengenai temubual patut mencetuskan respons yang wajar dari institusi – dari latihan semula hinggalah tindakan disiplin. Pelanggaran kewajiban institusi yang serius seperti larangan mutlak terhadap penyeksaan dan layanan buruk hendaklah dirujuk kepada tatacara jenayah dan sanksi.⁹⁶ Sebarang pelanggaran disiplin atau tatasusila patut ditangani dengan saksama dan sewajarnya menurut undang-undang dan standard antarabangsa tentang kesaksamaan tatacara.
 181. Pegawai kerajaan tidak sepatutnya mengabaikan kelakuan yang melanggar undang-undang – tanpa mengira pangkat, gred atau peranan seseorang – tanpa mengira tempat kejadian dan konteks.
 182. Penyelia hendaklah menilai, mengambil tindakan positif, melaporkan atau mengangkat apa-apa laporan kelakuan tidak profesional atau kesalahan oleh seseorang di bawah tanggungjawabnya.⁹⁷
 183. Tanggungjawab untuk membuat laporan tentang penyeksaan dan layanan buruk patut digalakkan dan dilindungi. Jika seorang pegawai rasa dia tidak boleh mempersoalkan atau mencabar seorang rakan sekerja secara langsung, dia patut melaporkan kebimbangannya melalui pengurus peringkat, mekanisme pelaporan agensi atau lain-lain saluran yang sesuai termasuk mekanisme pemerhatian. Tanggungjawab untuk membuat laporan ini juga patut terpakai jika mereka mempunyai tanggapan bahawa kebimbangan mereka tidak mendapat gerak balas yang sepatutnya.
 184. Sesiapa yang melaporkan pelanggaran, seperti seorang ‘pemberi maklumat’, hendaklah mendapat perlindungan secukupnya daripada sebarang bentuk tindak balas atau layanan yang negatif.
 185. Profesional keadilan jenayah yang lain, seperti peguam, pendakwa dan hakim yang melihat, mendengar, atau mensyaki terdapat kesalahan berkaitan temubual, turut mempunyai tanggungjawab untuk membawa perkara tersebut kepada perhatian agensi melalui saluran yang sesuai atau melaporkannya kepada pihak berkuasa lain yang relevan.
 186. Profesional keadilan jenayah memainkan peranan penting dalam mencegah penyeksaan dan layanan buruk yang lain dan meningkatkan amalan temubual. Ini termasuklah, secara khususnya, tanggungjawab untuk mengenyahkan dari prosiding kehakiman sebarang keterangan yang diperoleh melalui penyeksaan, layanan buruk yang lain, kesalahan tatacara atau sebarang bentuk kaedah yang memaksa.

95. *Lihat, mis.,* Prinsip 33, Kumpulan Prinsip; Peraturan 37 Garis Panduan Luanda; CPT/Inf(2018)4, Laporan Am CPT ke-27, Disember 2017, pp. 25-31; CPT/Inf(2019)9, Laporan Am CPT ke-28, April 2019.

96. Art. 6-8 UNCAT.

97. *Lihat, mis.,* CPT/Inf(2018)4, Laporan Am CPT ke-27 (*General Report of the CPT*), Disember 2017, perenggan. 70.



187. Kebergantungan melampau terhadap pengakuan dalam prosiding kehakiman menyebabkan insentif yang tidak wajar kerana penemubual melihat pengakuan sebagai satu-satunya objektif sesebuah temubual, dan oleh itu patut dielakkan.

Pemerhatian Luar dan Pemantauan Bebas

188. Badan pemerhati luar – seperti Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan, Pejabat Ombudsperson, badan kehakiman, atau organisasi pemerhatian khusus – patut mempunyai akses kepada mana-mana fasiliti di mana tahanan ditemubual dan maklumat tentang tahanan.
189. Badan pemantauan luar patut boleh menghubungi secara tertutup mana-mana orang dalam tahanan. Orang yang membuat aduan tentang layanan buruk atau pencabulan oleh agen kerajaan mesti mempunyai hak untuk berkomunikasi dengan bebas dan sulit dengan badan pemantauan bebas, tanpa takut dengan tindak balas, tertakluk kepada syarat munasabah bagi memastikan keselamatan dan keteraturan.
190. Selaras dengan Prinsip-prinsip Paris mengenai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan,⁹⁸ badan pemantauan luar patut bebas dan mempunyai sumber yang mencukupi untuk menjalankan analisis menyeluruh, segera, saksama dan adil terhadap fungsi tempat di mana orang ditemubual dan memastikan hak dan maruah orang tersebut dihormati.
191. Negara-negara yang menyertai Protokol Pilihan Konvensyen Persatuan Bangsa Bersatu-Bersatu Menentang Penyeksaan hendaklah memberi kuasa kepada Mekanisme Pencegahan Kebangsaan (National Preventive Mechanisms) untuk membuat lawatan mengejut ke tempat tahanan. Mereka patut mempunyai akses kepada maklumat dan fail-fail serta kuasa untuk menjalankan temubual secara sulit dengan orang-orang yang dilucutkan kebebasannya dan begitu juga dengan kakitangan.⁹⁹
192. Kerajaan patut mendirikan sistem dan proses yang membenarkan badan pemantauan luar memberikan cadangan tentang sebarang perubahan yang perlu untuk meningkatkan keberkesanan temubual dan perlindungan undang-undang. Pihak berkuasa patut komited menjalankan dialog dengan badan-badan luar mengenai dapatan dan cadangan mereka.
193. Organisasi masyarakat sivil juga boleh memainkan peranan penting dalam pemerhatian dan pemantauan bebas. Pihak berkuasa patut mengalu-alukan penyertaan mereka dan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap sebarang laporan yang dikemukakan hasil daripada pemantauan tempat orang dilucutkan kebebasannya dan tempat mereka ditemubual; ini termasuklah temubual dengan saksi dan mangsa.

98. Prinsip-prinsip mengenai Status Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (Prinsip-prinsip Paris) *Principles relating to the Status of National Human Rights Institutions (The Paris Principles)*, A/RES/48/134, 20 Disember 1993.

99. Art. 19-20 OPCAT.



Aduan dan Siasatan

194. Semua orang yang ditemubual mempunyai hak untuk membuat aduan tentang sebarang penganiayaan, termasuk penafian hak atau perlindungan. Aduan sedemikian hendaklah diperiksa dengan segera, menyeluruh dan tidak berat sebelah melalui saluran teruntuk yang kompeten.¹⁰⁰
195. Akses kepada mekanisme aduan hendaklah mudah, terus, percuma, dan sulit. Langkah-langkah yang sewajarnya hendaklah diambil bagi memastikan bahawa mekanisme aduan boleh diakses oleh semua, khususnya orang dalam situasi kerentanan tinggi. Pengadu patut menerima panduan jelas tentang proses aduan, mekanisme rayuan dan hasilnya.¹⁰¹
196. Semua aduan hendaklah direkodkan, tanpa mengira masa kejadian. Aduan sedemikian hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod rasmi. Setiap kali sesebuah aduan dibuat oleh atau bagi pihak orang yang ditemubual semasa perjalanan temubual, perekodan boleh menyebabkan penangguhan sementara temubual tersebut.
197. Apabila penemubual mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang ditemubual telah dianiaya atau hak mereka dinafikan sebelum temubual, mereka patut memaklumkan pegawai atau pihak berkuasa yang sesuai, yang kemudiannya akan bertanggungjawab menangani dakwaan tersebut.
198. Setiap kali terdapat alasan untuk mempercayai bahawa satu perbuatan menyeksa telah dilakukan, walaupun tiada aduan, siasatan yang menyeluruh, segera dan saksama hendaklah dilakukan, menurut Artikel 12 Konvensyen PBB menentang Penyeksaan.¹⁰²
199. Bagi dakwaan serius termasuk penyeksaan, aduan hendaklah disiasat oleh sebuah entiti bebas. Kerajaan patut menubuhkan mekanisme luar bagi siasatan dan aduan yang tidak terikat secara kewangan dan pengendalian dengan perkhidmatan penguatkuasa undang-undang dan pendakwaan atau mana-mana agensi yang bertanggungjawab ke atas orang yang dilucutkan kebebasannya itu. Untuk menjadi berkesan dan bebas, mekanisme sedemikian patut mempunyai kuasa siasatan yang cukup, sokongan politik, sumber manusia dan kewangan, dan kompeten untuk mengemukakan cadangan dan menguruskan tindakan susulan.
200. Semua aduan hendaklah dilindungi daripada sebarang tindak balas dan kesan buruk yang disebabkan oleh aduan yang dibuat.¹⁰³

100. Art. 12-13 UNCAT.

101. *Lihat, mis.*, Peraturan 37 Garis Panduan Luanda; CPT/Inf(2018)4, Laporan Am CPT ke-27, Disember 2017, ms. 25-31.

102. Art. 12 UNCAT.

103. Art. 13 UNCAT.



Tebus Rugi dan Reparasi

201. Menebus rugi mangsa penyeksaan atau layanan buruk lain ialah hak asasi manusia yang menggalakkan kebertanggungjawapan dan pengembalian maruah. Tebus rugi memberikan isyarat tentangan yang kuat terhadap pelanggaran kewajipan yang wujud dan mesti merangkumi gabungan restitusi, pampasan, pemulihan, penyelesaian dan jaminan untuk tidak mengulang lagi. Remedi hendaklah berpatutan dengan kemudaratan yang diakibatkan.¹⁰⁴
202. Akses kepada remedi bagi penyeksaan atau layanan buruk yang lain tidak boleh dikenakan syarat pengecaman, siasatan atau pendakwaan pelaku; itu hanya perlu untuk menunjukkan bahawa ada kejadian sedemikian yang berlaku.¹⁰⁵
203. Menyingkirkan keterangan yang diperoleh melalui penyeksaan atau layanan buruk yang lain merupakan hak orang yang ditemubual dan merupakan remedi yang berkesan terhadap salahlaku penemubual.¹⁰⁶

104. Art. 14 UNCAT; lihat A/RES/60/147, Prinsip Asas dan Garis Panduan Hak Mendapatkan Remedi dan Reparasi bagi Mangsa Pelanggaran Melampau Undang-undang Hak Asasi Manusia dan Pelanggaran Serius Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (*Basic Principles and Guidelines on the Right to a Remedy and Reparation for Victims of Gross Violations of International Human Rights Law and Serious Violations of International Humanitarian Law*), 16 Disember 2005.

105. Art. 14 UNCAT; CAT/C/GC/3, Jawatankuasa menentang Penyeksaan, Komen Umum No. 3 (2012), Implimentasi Artikel 14 oleh Negara Peserta (*Implementation of article 14 by States parties*), 13 Disember 2012, perenggan. 3.

106. A/HRC/30/37, Prinsip Asas dan Garis Panduan PBB mengenai Remedi dan Tatacara Hak Sesiapa yang Dilucutkan Kebebasannya untuk Membawa Prosiding ke Mahkamah (*United Nations Basic Principles and Guidelines on Remedies and Procedures on the Right of Anyone Deprived of Their Liberty to Bring Proceedings Before a Court*), Laporan Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari (*Report of the Working Group on Arbitrary Detention*), 6 Julai 2015.



◀ Prinsip 6 Pelaksanaan

Pelaksanaan temubual yang berkesan memerlukan langkah-langkah kerajaan yang ketat.



204. Bagi melaksanakan Prinsip-prinsip ini, Kerajaan perlu mengadaptasi dan membangunkan kerangka yang wajar dalam aspek undang-undang, dasar, kawalselia dan institusi dan juga memastikan pengawasan kehakiman terhadap pihak berkuasa temubual. Ini akan memerlukan usaha yang berterusan dan terselaras oleh pemain yang relevan di peringkat domestik.
205. Dengan melaksanakan langkah-langkah kebangsaan yang kukuh, pihak berkuasa menunjukkan keazaman dan komitmen jangka panjang untuk:
 - a. Membanteras penganiayaan melalui proses temubual dan memastikan standard hak asasi manusia antarabangsa dipatuhi
 - b. Menyediakan latihan temubual yang sesuai dan mencukupi untuk semua pihak berkuasa yang relevan
 - c. Memudahkan kerjasama antara pakar, pengamal, dan pembuat dasar dalam mereka bentuk strategi dan amalan temubual yang wajar dan berkesan
 - d. Menggalakkan pengawasan dan kebertanggungjawapan berkenaan temubual, menangani rasuah institusi dan budaya terlepas daripada hukuman (impunity)
 - e. Menambahbaik fungsi sistem keadilan jenayah dan pentadbiran keadilan.
206. Komitmen ini bukan sahaja bagi menambahbaik dasar dan amalan bagi menghalang sebarang bentuk penyeksaan dan layanan buruk lain serta menegakkan kedaulatan undang-undang, tetapi juga memperkenalkan kaedah paling berkesan bagi meningkatkan keselamatan awam berdasarkan standard antarabangsa.

Kerangka Domestik

207. Kerajaan patut menyemak semula kerangka undang-undang, serta melaksanakan dan menerbitkan dokumen undang-undang, dekri dan dasar yang mengawalselia



- layanan terhadap orang yang disoal, termasuk bagaimana proses temubual dijalankan. Perundangan dan tatacara sedemikian hendaklah sesuai sepenuhnya dengan kewajipan undang-undang sedia ada di bawah undang-undang antarabangsa, khususnya larangan mutlak terhadap penyeksaan dan layanan buruk.¹⁰⁷
208. Perlindungan yang berkaitan dengan temubual yang berkesan patut diabadikan dalam undang-undang dan peraturan, serta termasuk sekurang-kurangnya pemberitahuan segera kepada keluarga, akses kepada pemeriksaan perubatan dan peguam. Dalam hal ini, Kerajaan harus menambahkan akses kepada bantuan guaman dan pembelaan yang dibiayai kerajaan sebelum dan semasa temubual.¹⁰⁸
209. Penjenayahan penyeksaan dan layanan buruk yang memadai ialah kunci untuk memudahkan perjalanan temubual yang berkesan. Tiada keadaan berkecuali yang boleh dibangkitkan sebagai justifikasi penyeksaan atau layanan buruk lain.¹⁰⁹
210. Kerangka undang-undang hendaklah memastikan bahawa sebarang pengakuan atau pernyataan lain melalui penyeksaan atau bentuk paksaan lain tidak mempunyai nilai pembuktian, kecuali terhadap pelaku yang disyaki melakukan penyalahgunaan tersebut dan membuktikan bahawa pernyataan tersebut telah dibuat. Undang-undang negara hendaklah memastikan bahawa pelaku paksaan dan penyalahgunaan dipertanggungjawabkan.¹¹⁰

Budaya dan Keupayaan Institusi

211. Pemimpin institusi patut bertindak sebagai pejuang temubual yang berkesan dengan menyampaikan komitmen yang jelas dan berpanjangan untuk membuat perubahan yang positif. Mengubah budaya institusi mengenai temubual memerlukan tadbir urus yang baik dan perancangan yang teliti.
212. Institusi patut memastikan bahawa semua perubahan dalam kerangka undang-undang dan dasar negara yang berkaitan dengan temubual diintegrasikan dalam peraturan dan tatacara institusi dan dihebahkan secara meluas di kalangan kakitangan. Pegawai yang terlibat secara langsung dengan temubual patut diberikan panduan dalam implikasi praktikal mana-mana keperluan undang-undang dan dasar yang baru.
213. Perubahan yang bermakna dan berpanjangan dalam amalan temubual memerlukan kerajaan untuk memberikan sumber manusia dan kewangan yang mencukupi dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Ini akan memastikan keupayaan dan kebolehan, terutamanya melalui latihan spesifik dan akses kepada peralatan rakaman.

107. Art. 11 UNCAT; A/HRC/RES/31/31, perenggan. 11; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 10.

108. A/HRC/RES/31/31, perenggan. 4-9; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 5.

109. Art. 4-6 UNCAT.

110. Art. 15 UNCAT; A/HRC/RES/31/31, perenggan. 13; A/HRC/RES/46/15, perenggan. 22; A/HRC/25/60, perenggan. 68; A/71/298/, perenggan. 100 (nota kaki 3).



214. Langkah-langkah harus diambil untuk memastikan keadilan jenayah dan pihak berkuasa siasatan yang lain beroperasi sejajar dengan kewajipan domestik dan antarabangsa, dan fungsi mereka telus dan bertanggungjawab terhadap pemantauan kehakiman dan awam.
215. Keupayaan institusi penguatkuasa undang-undang dan pihak berkuasa pengumpulan maklumat yang lain boleh diperkukuhkan dengan hubungan konstruktif berterusan dengan agensi-agensi lain, para penyelidik dan komuniti akademik. Kolaborasi sedemikian, yang mungkin melepasi sempadan negara, boleh memberikan analisis dan maklumat berguna yang menyumbang kepada penambahbaikan amalan temubual.

Pihak Berkuasa Kehakiman

216. Kebebasan badan kehakiman dan pendakwaan hendaklah dijamin dan dilindungi bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang aktif dalam pelaksanaan temubual yang berkesan.¹¹¹ Begitu juga dengan kebebasan profesional dan saintifik perkhidmatan forensik dan perkhidmatan lain yang berkaitan.
217. Dengan melaksanakan jaminan yang asasi, seperti hak percabangan yang adil, pihak berkuasa kehakiman hendaklah memastikan hak orang yang ditemubual dihormati sepanjang masa. Ini memerlukan mereka menyemak cara temubual dikendalikan dan perlindungan undang-undang dan tatacara yang dinikmati oleh suspek, termasuk akses kepada peguam dan profesional perubatan.
218. Pihak berkuasa kehakiman patut membuang insentif terhadap pihak berkuasa siasatan untuk mendapatkan pengakuan dengan apa jua cara sekalipun dan sebaliknya menggalakkan penggunaan kaedah yang beretika dan terbukti secara saintifik.
219. Pihak berkuasa kehakiman hendaklah memastikan hanya keterangan yang diperoleh menurut undang-undang boleh diterima dalam mana-mana prosiding dan sentiasa berjaga-jaga terhadap sebarang petanda bahawa pernyataan mungkin dibuat melalui paksaan atau layanan buruk. Pernyataan yang dibuat melalui paksaan atau layanan buruk hendaklah dibuang dari mana-mana prosiding undang-undang, selaras dengan peraturan ketakmasukan.¹¹²
220. Suspek dan defendan patut dibawa secara fizikal ke hadapan pihak berkuasa kehakiman bagi mengklarifikasikan kesahan penahanan mereka, yang mana mereka hendaklah dibenarkan untuk mencabar. Setiap kali terdapat alasan untuk mempercayai bahawa orang yang dihadapkan telah menjadi mangsa layanan buruk, pihak berkuasa pendakwaan dan kehakiman mesti melakukan siasatan *ex officio*.¹¹³ Mereka patut membuat permohonan untuk pemeriksaan perubatan forensik, walaupun tiada dakwaan atau aduan yang nyata.

111. *Lihat, mis., A/HRC/13/L.19, Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, 23 Mac 2010. Lihat juga Art. 14 Waad Antarabangsa Hak-hak Awam dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights).*

112. *Art. 15 UNCAT; lihat juga A/HRC/25/60, perenggan. 66, 82.*

113. *Art. 12 UNCAT; lihat juga CPT/Inf(2002)15-part, Developments concerning CPT standards in respect of police custody, 2002, perenggan. 45.*



221. Akhir sekali, pihak berkuasa kehakiman hendaklah mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan bahawa mereka yang bertanggungjawab terhadap penyeksan atau layanan buruk dibawa ke pengadilan dan tertakluk kepada hukuman yang sewajarnya.¹¹⁴

Penyebaran

222. Kerajaan patut menyebarkan Prinsip-prinsip kepada semua pihak berkuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman yang relevan, terutamanya pihak penguatkuasa undang-undang dan badan berkuasa pengumpulan maklumat yang lain.
223. Penyebaran dengan kerjasama badan pemerhati, organisasi masyarakat sivil, dan orang awam akan membina kepercayaan masyarakat terhadap pihak berkuasa siasatan.
224. Kerajaan patut mengumpul maklumat langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa yang relevan dalam melaksanakan Prinsip-prinsip Temubual Berkesan bagi Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat, dan melaporkan perkembangannya kepada badan-badan antarabangsa dan serantau yang relevan.

114. *Lihat, mis.,* Garis Panduan PBB mengenai Peranan Pendakwa (*UN Guidelines on the Role of Prosecutors*), Peraturan 16, Kongres Pencegahan Jenayah dan Layanan Pesalah Ke-8 (*8th UN Congress on the Prevention of Crime and the Treatment of Offenders*), Havana, Cuba, 1990, Peraturan 16, dan Peraturan 4.3 (f), piawaian profesional tanggungjawab dan pernyataan tugas-tugas dan hak-hak asas pendakwaraya yang diterima pakai oleh Pendakwa Antarabangsa pada tanggal dua puluh tiga haribulan April 1999.

Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat



Prinsip 1 Asas

Temubual yang berkesan ialah temubual yang berpandukan sains, undang-undang dan etika.




Prinsip 2 Amalan

Temubual yang berkesan ialah proses menyeluruh bagi mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai di samping menerapkan perlindungan undang-undang yang berkaitan.




Prinsip 3 Kerentanan

Temubual yang berkesan perlu mengenal pasti dan menangani keperluan orang yang ditemubual dalam situasi kerentanan.




Prinsip 4 Latihan

Temubual yang berkesan merupakan kerja profesional yang memerlukan latihan yang spesifik.



Prinsip 5 Kebertanggungjawapan

Temubual yang berkesan memerlukan institusi yang telus dan bertanggungjawab.



Prinsip 6 Pelaksanaan

Pelaksanaan temubual yang berkesan memerlukan langkah-langkah kerajaan yang ketat.

“Prinsip-prinsip temubual berkesan adalah berlandaskan disiplin sains yang teliti dan pengalaman berpuluh tahun penyiasat jenayah. Mereka memperbaiki keberkesanan dan They improve the effectiveness dan ketepatan pengumpulan bukti dan mereka mencegah keguguran keadilan yang disebabkan oleh penyiksaan dan paksaan untuk mengaku kesalahan. Mereka dirancang untuk melindungi hak asasi orang yang disyaki melakukan jenayah serta korban dan saksi, dan untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap penegak hukum.”

Juan E. Méndez,

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemandu Pakar-pakar dan bekas Pelapor Khas PBB mengenai Penyiksaan

Prinsip-prinsip Temubual Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat

Prinsip 1 - Asas

Temubual yang berkesan ialah temubual yang berpandukan sains, undang-undang dan etika.

Prinsip 2 - Amalan

Temubual yang berkesan ialah proses menyeluruh bagi mengumpulkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai di samping menerapkan perlindungan undang-undang yang berkaitan.

Prinsip 3 - Kerentanan

Temubual yang berkesan perlu mengenal pasti dan menangani keperluan orang yang ditemubual dalam situasi kerentanan.

Prinsip 4 - Latihan

Temubual yang berkesan merupakan kerja profesional yang memerlukan latihan yang spesifik.

Prinsip 5 - Kebertanggungjawapan

Temubual yang berkesan memerlukan institusi yang telus dan bertanggungjawab.

Prinsip 6 - Pelaksanaan

Pelaksanaan temubual yang berkesan memerlukan langkah-langkah kerajaan yang ketat.